

قَتِيقَن تِيَتِه

PETIKAN TITAH

“KERANA dengan wujudnya semangat berdikari di dalam diri rakyat dan penduduk di negara ini, maka ianya akan dapat mengukuhkan ketahanan bangsa dan mendorong mereka untuk terus berusaha bagi mewujudkan satu masyarakat dan bangsa yang merdeka lagi berdaulat.”

- Titah Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Kelima Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari 1989.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

“ENGAU tidak akan mendapati suatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat tergamak berkasih sayang dengan orang-orang yang menentang perintah Allah dan Rasul-Nya walaupun orang-orang yang menentang itu adalah bapa-bapa dan datuk nenek, anak-anak, adik-beradik atau kaum kerabat mereka.”
- (Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al Mujaadalah, ayat 22).

TAHUN 60 / BILANGAN 18

11 FEBRUARI 2015 / 1436 ربيع الأخير 21

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Perlawanan Polo Amal bagi Yayasan Kanser Kanak-kanak (YASKA) Pasukan Kebawah DYMM juarai perlawanan



Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Mohd. Zul-Izzi Haji Durahman

JERUDONG, Isnin, 9 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mengetuai Pasukan Black muncul juara Perlawanan Polo Amal bagi Yayasan Kanser Kanak-Kanak (YASKA) sekali gus merebut Piala Emas Richard Mille yang diadakan di Padang 1, Royal Brunei Polo and Riding Club (RBPRC), di sini.

Pada perlawanan akhir tersebut, pasukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berjaya mengalahkan Pasukan Red yang diketuai oleh anakanda baginda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan jaringan 7 - 6.

Bermula dengan jaringan 3 - 2 pada chaka pertama, Pasukan Kebawah DYMM menguasai perlawanan hingga ke chaka kedua dengan jaringan 5 - 4, diikuti dengan penguasaan pada chaka ketiga dengan jaringan 6 - 5 dan seterusnya ke akhir perlawanan 7 - 6.

Pasukan Kebawah DYMM dianggotai oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar dan bintang polo terbaik dari Argentina, Pablo Mac Donough.

Ke muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima jambangan bunga daripada anak-anak dari Yayasan Kanser Kanak-Kanak (YASKA).
- Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 3).

Kongsi lambang ketaatsetiaan kepada generasi muda

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar, Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman, Syirain Afifi Md. Fadzil

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Februari. - Bendera bukanlah sekeping kain yang hanya untuk dikibarkan semata-mata, tetapi ia merupakan lambang kebersamaan, patriotisme, ketaatsetiaan dan kecintaan rakyat kepada raja, negara, bangsa serta ugama.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman berkata, perasaan itulah yang perlu dikongsikan kepada generasi muda sekarang.

“Dengan ini, bendera harus dihormati, etika pengibaran dan penjagaan bendera serta adab dan tertib juga perlu untuk difahamkan kepada semua golongan lapisan masyarakat, seperti cara menaikkan dan pengibaran bendera yang betul, bila waktu menaikkan dan menurunkan bendera, bila mengganti bendera, di mana meletakkan dan kedudukan bendera dan sebagainya,” tegas Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina pada Program Semarak Pengibaran Bendera Negara Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 yang berlangsung di Ruang Atrium, Airport Mall, Berakas.

Menurut Yang Mulia Datin Paduka, kempen seperti itu perlu diadakan secara berterusan dan bukannya pada waktu acara sambutan Hari Kebangsaan sahaja.

Ke muka 24

Martabatkan bahasa Melayu

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Februari. - Dalam usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan mengangkatnya sebagai bahasa ilmu, dalam waktu yang sama juga berhadapan dengan cabaran dan hambatan yang boleh membawa kepada kerosakan bahasa Melayu.

Para pendidik perlu memainkan peranan utama dalam menanggapi peri mustahaknya bahasa Melayu itu diperkasakan martabatnya dengan menanamkan keyakinan dalam diri para pelajar terhadap bahasa Melayu.

Selain itu, para pendidik juga perlu lebih kreatif, proaktif dan inovatif mencari, mengimplementasi dan mengubahsuai pendekatan pengajaran bahasa Melayu agar ia selari dengan

keperluan pelajar dan dalam masa yang sama berupaya memupuk sikap cintakan bahasa Melayu.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, selaku tetamu kehormat

majlis menegaskan mengenai perkara itu pada Pertandingan Pidato Bahasa Melayu Peringkat Akhir Sempena Bulan Bahasa 2014 yang diadakan di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di sini.

Ke muka 24



Muka 4

BRUNEI LNG kekal reputasi terbaik di dunia



12 HARI LAGI

Brunei-Indonesia terus nikmati persahabatan dan kerjasama

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA dan sekalian rakyat Negara Brunei Darussalam sukacita mengalu-alukan kedatangan Tuan Yang Terutama dan Ibu Iriana beserta rombongan ke Negara Brunei Darussalam.

Beta yakin, lawatan bersejarah Tuan Yang Terutama ini akan terus mengeratkan lagi jalinan silaturahmi yang sudah sedia wujud di antara kita.

Beta dan kerajaan serta rakyat Negara Brunei Darussalam akan sentiasa bekerjasama dengan pentadbiran Tuan Yang Terutama demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat kedua buah negara.

Indonesia adalah merupakan antara jiran terdekat Negara Brunei Darussalam. Kedua buah negara telah menikmati persahabatan berasaskan ikatan ugama, sejarah, budaya dan bahasa. Ikatan ini tidak akan pupus walaupun masa dan keadaan sering berubah.

Beta gembira persefahaman yang sangat baik telah kita nikmati di semua peringkat.

Hal ini penting, bagi menjiwai hubungan kerjasama kita di dalam pelbagai bidang.

Tahap hubungan kerjasama yang ada akan sentiasa di peringkat, dipupuk dan diperkukuhkan terus, meliputi kerjasama bidang-bidang ekonomi, tenaga kerja, pertahanan dan pendidikan.

Demikian juga kedua belah pihak telah mengenal pasti beberapa bidang baru yang boleh diteroka bersama.

Rangkaian kerjasama juga boleh merangkumi kerjasama kesihatan dan kerjasama antara Dewan Perniagaan.

Dalam bidang perkhidmatan penerbangan pula, pada masa ini, jalur penerbangan ke Bali, Jakarta dan Surabaya adalah turut mempermudah lagi perjalanan rakyat dari kedua buah negara.

Ini bukan sahaja menyumbang untuk sektor pelancongan, malahan juga melicinkan perjalanan warga Indonesia, yang merupakan sumber tenaga asing terbesar di Negara Brunei Darussalam.

Di kesempatan ini, beta ingin merakamkan penghargaan kepada rakyat Indonesia, yang turut terlibat menyumbangkan tenaga dan kepakaran mereka dalam pembangunan dan perkembangan negara ini.

Indonesia juga adalah merupakan antara



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Santap Negara bagi merayakan Tuan Yang Terutama Joko Widodo, Presiden Republik Indonesia pada 7 Februari 2015, bertempat di Istana Nurul Iman.

rakan kongsi perdagangan yang penting bagi Negara Brunei Darussalam.

Beta juga berpuas hati dengan kemajuan yang dicapai dalam bidang pertahanan. Latihan ketenteraan di antara anggota tentera kita, cukup memberi peluang untuk bertukar-tukar maklumat serta menambahkan lagi pengalaman masing-masing.

Di bidang pendidikan, kerjasama dua hala telah berjalan dengan baik, dan beta pada kesempatan ini, ingin mengalu-alukan lebih ramai lagi penuntut Indonesia melanjutkan pengajian mereka di negara ini.

Pada tahun ini, kita negara-negara ASEAN akan mara ke hadapan untuk merealisasikan Komuniti ASEAN 2015.

Beta percaya Negara Brunei Darussalam dan Indonesia akan terus berganding bahu membina Komuniti ASEAN menjadi

kenyataan, berasaskan tiga tonggak utama iaitu ekonomi, kemantapan politik dan budaya.

Adalah penting bagi kita sebagai rakyat ASEAN, untuk terus bekerjasama dalam mengekalkan ASEAN selaku sebuah pertubuhan yang relevan yang sentiasa sepakat dalam menangani cabaran-cabaran mendatang.

Untuk akhirnya, terima kasih sekali lagi beta ucapkan kepada Tuan Yang Terutama, Ibu Iriana serta rombongan di atas lawatan ini.

Beta berharap dan percaya ikatan persahabatan yang akrab di antara Brunei dan Indonesia akan terus dipupuk dan disemai untuk manfaat kedua buah negara kita.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang
Pengarang.

11 FEBRUARI 2015 BERSAMAAN 1436 ربيع الآخر 21

BRUNEI - INDONESIA TERUS TINGKATKAN KERJASAMA KESIHATAN, PERDAGANGAN

HUBUNGAN persahabatan dan kerjasama erat antara negara kita Brunei Darussalam dengan Republik Indonesia terus dipertingkatkan lagi dengan lawatan negara Presiden Republik Indonesia yang ke-7 iaitu Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Haji Joko Widodo dan isteri, Datin Ibu Hajah Iriana Widodo selama dua hari ke negara ini iaitu pada 7 hingga 8 Februari lepas.

Lawatan Tuan Yang Terutama ini walaupun singkat, tetapi bermakna kerana kedua-dua negara telah berjaya memeterai dua kerjasama yang penting sebagai negara berjiran yang telah sekian lama mempunyai hubungan baik, mesra dan erat. Sementara hubungan kerjasama yang sedia ada antara kedua-dua buah negara terus dipertingkatkan, dipupuk dan terus diperkukuhkan, meliputi kerjasama bidang-bidang ekonomi, tenaga kerja, pertahanan dan pendidikan.

Persahabatan yang terjalin di tahap yang sangat erat ini, baik di peringkat pemimpin tertinggi mahupun pertukaran lawatan dan latihan para pegawai awam, pihak swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, khususnya rakyat dan penduduk kedua-dua buah negara telah pun terjalin sejak 1 Januari 1984 lagi, bilamana Negara Brunei Darussalam mencapai taraf kemerdekaan penuh.

Dengan yang demikian kedua-dua negara berjiran ini telah dan terus menikmati persahabatan berasaskan ikatan ugama, sejarah, budaya dan bahasa. Ikatan tersebut tidak akan putus walaupun masa dan keadaan sering berubah kerana perkara ini adalah menjadi dasar negara sejak mencapai kemerdekaan lagi, iaitu dengan tekad terus berbaik-baik dan memelihara perhubungan persahabatan dalam kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemodenan, kedaulatan, kekukuhan negara masing-masing.

Atas dasar itu negara telah dapat menikmati ikatan serta persefahaman yang sangat baik di semua peringkat dalam pelbagai bidang dan perkara ini amat menggembirakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah pada Majlis Santap Negara bagi merayakan Presiden Republik Indonesia, tersebut di Istana Nurul Iman.

Dalam pada itu, kedua-dua negara telah mengenal pasti beberapa bidang yang boleh diteroka dan dipertingkatkan bersama, yang mana rangkaian kerjasama itu merangkumi kerjasama kesihatan dan kerjasama antara Dewan Perniagaan. Bagi kedua bidang ini, kedua-dua negara telah berjaya memeterai MoU kerjasama tersebut iaitu sempena lawatan TYT Presiden Indonesia yang baru dilantik menerajui negaranya pada 20 Oktober 2014 itu.

Di bidang kesihatan misalnya, kedua-dua negara telah pun mempunyai hubungan kerjasama yang erat sebelum ini, bilamana seramai tujuh warga Indonesia sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan. Mereka terdiri daripada dua orang doktor, empat jururawat dan seorang Pembantu Rekod Perubatan (Medical Record Assistant). Pada masa yang sama lapan buah institusi kesihatan Indonesia juga mendapat pengiktirafan (accredited) dari Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

Manakala dalam kerjasama perdagangan, Republik Indonesia merupakan antara rakan kongsi perdagangan yang penting bagi Negara Brunei Darussalam. Di mana dalam bidang ini, Republik Indonesia merupakan rakan kongsi ketujuh terbesar dalam tahun 2013 dengan jumlah perdagangan BND863,519. Republik Indonesia juga berada di tangga keenam daripada 10 pasaran utama import dan eksport Negara Brunei Darussalam pada tahun 2013.

Sebagai jiran terdekat, Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia juga menjalin bekerjasama dalam memajukan Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur (BIMP-EAGA) melibatkan wilayah Indonesia bahagian Sulawesi dan Kalimantan Timur di Pulau Borneo.

TYT Dato Laila Utama Haji Joko Widodo sendiri sempena lawatannya ke negara ini, berharap akan dapat mengukuhkan lagi hubungan strategik antara Republik Indonesia dengan Negara Brunei Darussalam, khususnya dalam pelbagai bidang perekonomian dan menciptakan perdagangan yang kukuh, seimbang dan mapan. - **Ketua Penyuntingan (Zs).**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuriahah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Aryentyy Haji Arifin
Mohammad Arif Matali

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Sastra Sarini Haji Julaini

Ketua Penyuntingan

Musa Mohidin,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar,
Samle Haji Jait

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Chafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahrnan Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail



AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Perlawanan Polo Amal bagi Yayasan Kanser Kanak-Kanak (YASKA)


Pasukan Kebawah DYMM juarai perlawanan

Dari muka 1

Sementara Pasukan Red turut dianggotai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji 'Abdul 'Ali Yil-Kabier bin Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun

Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz; Haji Abdul Azeez bin Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Muhammad Jaafar dan bintang polo terbaik dari Argentina, Lucas Monteverde.

Kejohanan yang dilangsungkan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengetuai Pasukan Black dan seterusnya muncul juara Perlawanan Polo Amal bagi Yayasan Kanser Kanak-Kanak (YASKA), sekali gus merebut piala berkenaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan bergambar bersama tiga kanak-kanak YASKA.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima Piala Emas Richard Mille daripada Ketua Pegawai Eksekutif Richard Mille, Peter Harrison.

selama dua hari bermula kelmarin disertai oleh empat buah pasukan yang juga disertai oleh paduka-paduka adinda dan anakanda Kebawah DYMM, DYTMM Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah.

Di akhir perlawanan Kebawah DYMM berkenan menerima piala kejohanan yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Richard Mille, Peter Harrison.

Berangkat menyaksikan perlawanan akhir tersebut ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, DYTMM Paduka Seri Pengiran Perdana

Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran

Muda 'Abdul Wakeel; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Terdahulu Kebawah DYMM berkenan menyempurnakan hadiah bagi tempat ketiga yang dimenangi oleh Pasukan White selepas mengalahkan Pasukan Grey dengan kesudahan jaringan 5 - 4 pada perlawanan yang berlangsung di Padang 2, RBPRC.

Pasukan White dianggotai oleh Tawil; Farid bin Abdullah, Abu Kassim dan Ignacio Novillo Astrada.

Manakala Pasukan Grey yang diketuai oleh DYTMM Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah turut disertai oleh Ploy Bhing Sing, Amr Zedan dan Alejandro Agote.

YASKA memberi sokongan kepada kanak-kanak yang menghidapi penyakit kanser dan keluarga mereka semasa menjalani rawatan, di samping menyediakan pendidikan dan kesedaran mengenai kanser kepada kanak-kanak di negara ini.



KEBAWAH DYMM mengetuai Pasukan Black bergambar kenangan bersama putera dan puteri baginda sejourus Perlawanan Polo Amal bagi YASKA.



BAGINDA berkenan menerima jambangan bunga daripada anak-anak YASKA.

Brunei LNG kekalkan reputasi terbaik di dunia

Oleh : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

LUMUT, Ahad, 8 Februari. - Projek Brunei LNG terus mengekalkan reputasi sebagai salah satu projek LNG yang terbaik di dunia dan pada tahun 2014, Brunei LNG berada di antara Projek LNG yang terbaik dari aspek 'Operation Excellence'.

Menteri Tenaga, di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar menyatakan demikian semasa menyampaikan taklimat kepada Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Haji Joko Widodo dan rombongan yang mengadakan lawatan rasmi ke Syarikat Brunei LNG Sendirian Berhad.

Yang Berhormat menyatakan kejayaan aktiviti-aktiviti rejuvenasi telah membolehkan Brunei LNG merundingkan dan seterusnya menandatangani penyambungan kontrak penjualan LNG ke Jepun pada tahun 1990.

"Pada tahun 2000, Loji LNG sekali lagi melalui proses rejuvenasi yang antara lain melibatkan penggantian peralatan-peralatan utama termasuklah Main Cryogenic Heat Exchangers, Cooling Towers dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti ini dimaksudkan untuk mengekalkan reliabiliti loji dan operasi Brunei LNG bagi tempoh yang lebih lama, iaitu 40 tahun," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, pada tahun 2013, Syarikat Brunei LNG telah menandatangani perjanjian penjualan baru dengan para pembeli asal dari Jepun dan Korea, berserta dengan dua pembeli yang baru, iaitu Malaysia dan Shell.

Menyentuh mengenai perancangan Negara Brunei Darussalam ke arah mencapai masa hadapan perekonomian di dalam industri minyak dan gas yang berdaya tahan, Yang Berhormat menyatakan, pada bulan Mac 2014, Kertas Putih tenaga dilancarkan di mana ia menyatakan strategi industri tenaga untuk mencapai Wawasan 2035.

"Di antara strategi-strategi berkenaan termasuk mengembangkan dan mengukuhkan aktiviti-aktiviti *upstream* dan *downstream* industri minyak dan gas Brunei termasuk mencapai 650,000 *barrels oil equivalent* sehari menjelang 2035," jelas Yang Berhormat.

"Di peringkat *upstream*, baru-baru ini Negara Brunei Darussalam, telah memperolehi beberapa *exploration discoveries* termasuklah di Commercial Area 2. Dengan mengambil kira kedudukan rizab dan sumber *resources* yang ada pada masa ini dan terus mengekalkan Reserve Replacement Ratio melebihi 1, hidrokarbon di negara ini dijangkakan akan boleh bertahan selama 30 ke 50 tahun lagi," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, kedudukan hidrokarbon telah membolehkan beberapa perancangan dilaksanakan bagi penggunaan hidrokarbon ke arah penjaan perekonomian yang lebih mantap bukan sahaja bagi penghasilan LNG, tetapi juga pembangunan industri *downstream*.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai masa hadapan LNG dari perspektif Negara Brunei Darussalam antaranya bagi pengeluaran LNG,

Brunei LNG sedang dalam proses kajian bagi pembinaan *liquefaction train* ke-6 yang mana ini akan dapat meningkatkan kapasiti loji daripada 7.2 juta kepada 11 juta tan setahun.

Sementara mengenai perkapalan, kapal-kapal LNG yang digunakan oleh Projek BLNG semenjak permulaan projek sebahagiannya telah diganti dengan kapal-kapal LNG yang lebih baru, besar dan efisien.

"Projek penggantian ini akan selesai secara keseluruhannya pada tahun 2015 ini. Dari segi operasi kapal, bilangan pegawai dan anak kapal lokal yang berkhidmat di atas kapal-kapal LNG ini telah mencapai tahap 80 peratus dari bilangan keseluruhannya," jelas Yang Berhormat.

Manakala dari aspek pasaran LNG, Projek BLNG akan memberikan tumpuan kepada perubahan pasaran yang sangat dinamik lebih-lebih lagi akan adanya permintaan tenaga yang meningkat di rantau ASEAN ini sendiri.

Ketibaan Presiden Republik Indonesia di Bangunan Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK) telah disambut dan dialu-alukan oleh Menteri Tenaga, di Jabatan Perdana Menteri.

Sebelum melawat ke Loji Brunei LNG, Tuan Yang Terutama dan rombongan mendengar taklimat ringkas yang disampaikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga mengenai industri gas khususnya mengenai Projek Brunei LNG dan juga mengenai aspirasi Kerajaan Brunei untuk pembangunan industri *downstream* di Negara Brunei Darussalam.

Taklimat juga menyentuh mengenai usaha Kerajaan Negara Brunei Darussalam pada memperkembangkan penyertaan perusahaan-perusahaan tempatan di dalam industri tenaga.

Loji BLNG mula beroperasi pada tahun 1972, iaitu lebih awal dari Loji-Loji LNG di Arun-Sumatra dan Bontang-Kalimantan, Republik Indonesia. Pada masa ini, Syarikat Brunei LNG mempunyai sekitar 750 pegawai dan kakitangan, 84 peratus darinya terdiri daripada tenaga kerja tempatan sementara itu, terdapat juga tenaga kerja seramai 1,000 orang yang berkhidmat dengan kontraktor-kontraktor yang memberikan perkhidmatan bantuan kepada Brunei LNG.

Projek Brunei LNG kini telah pun berusia lebih 42 tahun. Penemuan tekungan gas yang besar di luar pantai yang dikenali sebagai AMPA dalam tahun 1964, telah membukakan



KETIBAAN Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Haji Joko Widodo di Bangunan Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK) disambut oleh Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

peluang bagi Negara Brunei Darussalam untuk memajukan gas yang ditemui sebagai LNG bagi dieksport ke Jepun. Peluang ini telah dapat dicapai melalui penubuhan Syarikat BLNG dan pembinaan loji LNG yang mula beroperasi dalam tahun 1972. Bagi melengkapkan projek ini, Brunei telah membina tujuh (7) buah kapal LNG.

Menyertai rombongan TYT termasuk Menteri Koordinator Bidang Perekonomian, TYT Bapak Sofian A. Djalil; Menteri Luar Negeri, Puan Yang Terutama Ibu Retno Lestari Priansari Marsudi; Menteri Perdagangan, TYT Bapak Rachmat

Gobel; Menteri Ketenagakerjaan, TYT M. Hanif Dhakiri; Menteri Kesehatan, PYT Ibu Nila Djuwita Anfasa Moeloek; Ketua Badan Nasional Penempatan dan Perlindungan, Bapak Nusron Wahid dan Pegawai-Pegawai Kanan daripada Republik Indonesia.

Turut hadir Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang, selaku Menteri Pengiring dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia, TYT Brigadier Jeneral (B) Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Saidin.



PRESIDEN Republik Indonesia menandatangani lembaran sempena lawatan ke bangunan Brunei LNG.



PRESIDEN Republik Indonesia, TYT Dato Laila Utama Haji Joko Widodo dan rombongan diraikan di Majlis Minum Petang sempena lawatan rasmi ke Syarikat Brunei LNG Sendirian Berhad.



KETIBAAN Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Haji Joko Widodo di Bangunan Cenceri Kedutaan Besar Republik Indonesia dialu-alukan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nurul Qomar dan Timbalan Duta Besar Pribadi, Sutiono.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 Februari. - Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Haji Joko Widodo berharap dapat mengukuhkan lagi hubungan strategik di antara Republik Indonesia dengan Negara Brunei Darussalam khususnya dalam ASEAN.

TYT juga menyatakan, Republik Indonesia berhasrat memperkukuhkan lagi kerjasama dengan Negara Brunei Darussalam dalam pelbagai bidang perekonomian dan menciptakan

perdagangan yang kukuh, seimbang dan mapan.

Demikian jelas TYT Dato Laila Utama Haji Joko Widodo ketika ditemui oleh wakil PELITA BRUNEI semasa perjumpaan TYT dan isteri, Datin Ibu Hajah Iriana Widodo bersama komuniti Indonesia di Negara ini berlangsung di Bangunan Cenceri Kedutaan Besar Indonesian, Jalan Kebangsaan, di sini.

Di samping itu, TYT juga mengalu-alukan pelabur-pelabur dari Negara Brunei Darussalam yang berhasrat

Indonesia berhasrat terus kukuhkan kerjasama

untuk membuat pelaburan di Republik Indonesia.

Kira-kira 300 komuniti Indonesia menghadiri perjumpaan tersebut yang merupakan salah satu atur cara sempena Lawatan Negara TYT Dato Laila Utama Haji Joko Widodo dan Datin Ibu Hajah Iriana Widodo ke Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu ketibaan TYT dan isteri dialu-alukan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nurul Qomar dan Timbalan Duta Besar Pribadi, Sutiono.

Juga hadir ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang selaku Menteri Pengiring dan Datin.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia secara rasmi menjalin hubungan diplomatik pada 1 Januari 1984 sebaik sahaja Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan penuh.

Selain sebagai anggota ASEAN, kedua-dua buah negara juga mempunyai hubungan pelbagai hala dengan negara-negara sahabat dalam

pelbagai forum baik di peringkat serantau dan antarabangsa.

Kedua-dua buah negara juga berperanan dalam menyumbang ke arah mewujudkan keamanan dan kemakmuran sejagat dalam bidang politik, ekonomi, keagamaan, pendidikan, sosiobudaya dan lain-lain.

Di samping bekerjasama secara dua hala dan pelbagai hala, kedua-dua belah pihak secara berterusan juga berusaha meningkat

dan memperkukuhkan interaksi yang terjalin dengan meneroka bidang-bidang baru melalui mekanisme-mekanisme strategik bagi kepentingan bersama.

Menurut kenyataan rasmi daripada Kedutaan Indonesia di negara ini, dianggarkan sejumlah 70 ribu rakyat Indonesia tinggal di negara ini terdiri daripada mereka yang bekerja dalam pelbagai sektor seperti profesional, doktor, pensyarah, pembantu rumah dan sektor domestik.



PRESIDEN Republik Indonesia, TYT Dato Laila Utama Haji Joko Widodo beramah mesra bersama dengan rakyat Republik Indonesia di negara ini.



KETIBAAN Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Haji Joko Widodo dan isteri, Datin Ibu Hajah Iriana Widodo serta rombongan di Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja dialu-alukan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah dan Datin, dan Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Hajah Adina binti Othman.



TYT diberikan penerangan ringkas mengenai penubuhan dan fungsi Galeri Pameran Alat-Alat Kebesaran Diraja.

Keindahan Galeri Pameran Alat-Alat Kebesaran Diraja menarik perhatian

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Februari. - Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Haji Joko Widodo dan isteri, Datin Ibu Hajah Iriana Widodo serta rombongan mengadakan lawatan ke beberapa tempat menarik di ibu negara sempena lawatan negara dua hari ke negara ini.

Ketibaan rombongan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Indonesia di Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja dialu-alukan oleh Menteri

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah dan Datin, dan Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Sebelum memulakan lawatan, rombongan TYT diberikan penerangan ringkas mengenai penubuhan dan fungsi galeri tersebut.

Di bangunan berkenaan, TYT dan

isteri berserta rombongan menyaksikan galeri-galeri pameran yang sebahagian besarnya mempamerkan alat-alat kebesaran dan perhiasan diraja yang diwarisi sejak turun-temurun dan zaman-berzaman sebagai lambang kebesaran Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Antara yang menarik perhatian TYT ialah Galeri Pameran Diraja yang antara lain merakamkan sejarah hidup Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada zaman kanak-kanak sehingga baginda dipuspan.

Selain itu, TYT dan rombongan juga melawat ke beberapa galeri lain seperti Galeri Pameran Alat-Alat Kebesaran Diraja, Galeri Pameran Jubli Perak dan Galeri Pameran Sejarah serta Perkembangan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Sebelum mengakhiri lawatan TYT dan isteri juga berkesudian menandatangani buku lawatan dan seterusnya bergambar kenangan di bangunan tersebut.

Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 30 September 1992.

Reka bentuk bangunan ini menggabungkan ciri-ciri konsep Melayu Islam Beraja dan telah menjadi salah satu mercu tanda di Bandar Seri Begawan, ibu negeri negara ini.



TYT dan isteri serta rombongan tertarik dengan salah satu alat kebesaran diraja.

Presiden Republik Indonesia tinjau keindahan Kampong Ayer

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



PRESIDEN Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Haji Joko Widodo dan isteri, Datin Ibu Hajah Iriana Widodo dibawa melawat Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Februari. - Kampong Ayer yang sering menjadi daya tarikan para pelancong ke Negara Brunei Darussalam turut menarik perhatian Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Haji Joko Widodo dan isteri, Datin Ibu Hajah Iriana Widodo serta rombongan yang telah membuat lawatan menyusur Sungai Brunei.

Ketibaan Tuan Yang Terutama dan isteri serta rombongan di jeti Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan (BSB) dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji

Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Juga hadir ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang, selaku Menteri Pengiring dan isteri.

Turut mengalu-alukan ketibaan TYT dan isteri ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimulihkan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff dan isteri; Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan

Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.

Terdahulu, TYT dan isteri bersama Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Menteri Pendidikan, selaku Menteri Pengiring dan isteri; Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan isteri merakamkan potret kenangan di hadapan jeti Dermaga Diraja BSB.

TYT Presiden Republik Indonesia dan isteri serta rombongan mula-mula melawat Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer dan meneruskan lawatan meninjau Projek Perintis Menaik Taraf Kampong Ayer iaitu di kediaman Ketua Kampung Lorong Sekuna, Awang Haji Ahmad bin Haji Bujang.

Ketibaan TYT dan isteri bersama rombongan di sini dialu-alukan oleh Penghulu Mukim Peramu, Pengarah Haji Ismit bin Pengarah Mukim Haji Naim serta Ketua Kampung Lorong Sekuna bersama isteri masing-masing.

Semasa lawatan tersebut, Pemangku Pegawai DBM, Awang Misle bin Haji

Abdul Karim menyampaikan taklimat mengenai Kampong Ayer, manakala wakil dari Jabatan Kerja Raya menerangkan mengenai Projek Perintis Menaik Taraf Kampong Ayer.

TYT Presiden Republik Indonesia dan isteri serta rombongan seterusnya menyusur Sungai Brunei dan melihat keindahan Kampong Ayer yang telah wujud berabad lamanya.



PRESIDEN Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Haji Joko Widodo menandatangani lembaran kenangan semasa melawat ke Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer.



PRESIDEN Republik Indonesia, TYT Dato Laila Utama Haji Joko Widodo semasa dibawa menyusur Sungai Brunei.



PRESIDEN Republik Indonesia, TYT Dato Laila Utama Haji Joko Widodo dan isteri, Datin Ibu Hajah Iriana Widodo mencuba makanan tradisi Brunei 'Ambuyat'.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa berucap pada Sesi Perjumpaan Yang Berhormat Bersama Pemimpin-Pemimpin Sekolah Rendah di Dewan Serbaguna, Pusat Tingkatan Enam Sengkuring (PTES).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Februari. - Sesebuah negara yang mempunyai rakyat berpendidikan tinggi mampu menjana ekonomi dengan pesat demi kemakmuran negara.

Pendidikan yang cemerlang memberi peluang untuk kita meningkatkan kualiti hidup serta aktif menyumbang kepada pembangunan negara yang mana inilah aspirasi Wawasan 2035.

Demikian dinyatakan oleh Menteri

Sekolah pencapaian terbaik PSR akan terima *grant*

Oleh : Aimi Sani
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa berucap pada Sesi Perjumpaan Yang Berhormat Menteri Pendidikan Bersama Pemimpin-Pemimpin Sekolah Rendah di Dewan Serbaguna, Pusat Tingkatan Enam Sengkuring (PTES), di sini.

Menurut Yang Berhormat, tahap pencapaian pelajar dalam peperiksaan utama di negara ini dilihat agak mendatar saban tahun, iaitu selama lebih 10 tahun kita seolah-olah terperangkap dalam satu situasi, di mana peratus pelajar mencapai Gred A - D dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR) adalah dalam lingkungan 77.7 peratus hingga 89.42 peratus.

Peratusan pelajar mencapai Gred A - D dalam semua mata pelajaran teras pada tahun 2014 terang Yang Berhormat, menurun sebanyak 0.72 peratus daripada tahun 2013 menjadikan ia 84.49 peratus.

Penurunan ini ujarnya, telah dialami oleh kedua-dua sekolah kerajaan dan swasta dengan -0.42 peratus dan -0.26 peratus masing-masing.

"Peratus pelajar mencapai Gred A - C juga mengalami penurunan sebanyak 0.69 peratus dari tahun 2013, iaitu 63.95 peratus pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, dalam mana

peratusan sekolah swasta menurun sebanyak 1.14 peratus, terdapat sedikit peningkatan sebanyak 0.24 peratus untuk sekolah-sekolah kerajaan. Walaupun sangat sedikit, peningkatan ini merupakan satu tanda, di mana kita mempunyai harapan untuk bergerak ke arah yang lebih baik," jelas Yang Berhormat.

Secara statistik kata Yang Berhormat, prestasi pelajar dalam peperiksaan PSR adalah baik dan pada masa yang sama kita terdedah dengan risiko jurang pencapaian yang lebar dengan negara-negara lain.

Pada menjunjung tinggi titah dan harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang antara lain menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 90 peratus daripada pelajar mendapat Gred A - C dalam PSR pada tahun 2017, beberapa inisiatif utama telah disusun ke arah pencapaian sasaran tersebut, iaitu pengajaran dan pembelajaran; kepimpinan; akauntabiliti dan pengurusan prestasi; kehadiran dan faktor sosial serta *cross-cutting enabler*.

Kepentingan semua bidang utama ini jelas Yang Berhormat, untuk bergerak senada atau selari adalah sangat utama untuk menyumbang

kepada memperkukuh keberkesanan usaha untuk meningkatkan prestasi pencapaian pelajar.

Pihak Kementerian Pendidikan jelas Yang Berhormat, percaya bahawa langkah-langkah progresif untuk menuju sasaran tersebut perlu dijalankan mulai sekarang dalam pelbagai peringkat.

Yang Berhormat juga turut menyatakan bahawa pada tahun 2015, pihak kementerian telah meletakkan sasaran pada sekurang-kurangnya 74 peratus pelajar akan mencapai Gred A hingga C dalam PSR tahun ini.

"Berpandukan kepada sasaran tersebut, penguatkuasaan kehadiran anak-anak ke sekolah akan terus diberikan tumpuan dan pemantauan. Antara pendekatan yang digunakan adalah melalui penguatkuasaan 'Standard Operating Procedure' atau SOP di peringkat sekolah dan juga penguatkuasaan peruntukan yang terkandung dalam Akta Pendidikan Wajib 2007," ujar beliau.

Dalam melaksanakan apa jua rancangan tegas Yang Berhormat, mana-mana organisasi akan memerlukan sokongan pada semua pihak berkepentingan atau *stakeholders*, yang mana dalam hal ini, gerak kerja yang senada antara

Kementerian Pendidikan dan para pemimpin sekolah menjadi landasan utama untuk menjadi jambatan sebagai usaha mempertingkatkan pencapaian pendidikan khususnya dalam merealisasikan sasaran yang telah diamanahkan.

Yang Berhormat seterusnya menyeru para pemimpin sekolah untuk menggunakan bidang kuasa autonomi yang telah diamanahkan semasa Forum Kepimpinan Sekolah pada 7 Januari lalu.

Beliau turut menyeru para pemimpin sekolah untuk yakin diri dan mengambil amanah dalam autonomi sebagai peluang untuk membuat penilaian sendiri yang lebih tajam untuk mengenal pasti ruang-ruang pembaikan dan bidang-bidang kelebihan yang ada di sekolah, pemimpin-pemimpin sekolah dan bertindak dengan lebih proaktif dengan mengambil kira keberkesanan dan mengoptimalkan efisiensi di dalam sekolah dan dalam kluster masing-masing.

Untuk itu kata Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan akan menganugerahkan suatu 'grant' khas kewangan bagi sekolah yang mampu melakar kemajuan keputusan yang signifikan dalam pencapaian PSR nanti.

74 peratus Gred A - C sasaran PSR 2015



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa hadir pada Sesi Perjumpaan Bersama Pemimpin-Pemimpin Sekolah Rendah di Dewan Serbaguna, Pusat Tingkatan Enam Sengkuring (PTES).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Februari. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong mengadakan Sesi Perjumpaan Bersama Pemimpin-Pemimpin Sekolah Rendah, bertempat di Pusat Tingkatan Enam Sengkuring (PTES).

Sesi perjumpaan tersebut merupakan wadah perkongsian Kementerian Pendidikan bagi mengatur usaha bersepadu ke arah penguatkuasaan pendidikan rendah khususnya dalam meningkatkan pencapaian dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR).

Pada sesi perjumpaan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengumumkan mengenai sasaran negara bagi Peperiksaan PSR 2015, iaitu sekurang-kurangnya 74 peratus pelajar akan mencapai Gred A hingga C.

Usaha ini merupakan pengembelenan usaha progresif ke

arah pencapaian aspirasi Wawasan Brunei 2035, di mana sasaran jangka masa sederhana telah dibuat dalam pencapaian PSR 2017, iaitu sekurang-kurangnya 90 peratus pelajar-pelajar memperoleh Gred A - C dalam setiap mata pelajaran.

Yang Berhormat juga turut mengumumkan penggunaan Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator-KPI) kehadiran pelajar di setiap sekolah.

KPI yang diperkenalkan ini akan bertindak menjadi suatu panduan dan mekanisme petunjuk kepada pihak sekolah dalam usaha mempertingkatkan keberkesanan pemantauan termasuk memperkukuh usaha untuk melihat sama para ibu bapa, pemimpin dan ahli masyarakat setempat bagi memastikan kehadiran kanak-kanak bersekolah yang konsisten.

Dalam pada itu, Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga menyeru pemimpin-pemimpin sekolah untuk

mempraktiskan autonomi mereka seperti yang diamanahkan semasa Forum Kepimpinan Sekolah pada 7 Januari lalu.

Bidang kuasa autonomi yang

diberikan kepada pemimpin sekolah ialah dalam bidang kurikulum, penilaian, sumber pengajaran dan pembelajaran.

Dalam hubungan ini, sebagai kesinambungan kepada menyokong usaha penguatkuasaan pengajaran dan proses pembelajaran di sekolah, *checkpoint tests* juga dilaksanakan mulai Februari ini.

Ujian penilaian ini akan menjadi kayu sukat awal kepada kemampuan pelajar-pelajar dan yang demikian membantu pihak-pihak sekolah untuk menilai keberhasilan pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar-pelajar Tahun 6 selain memberikan ruang untuk pihak sekolah dengan kerjasama jabatan-jabatan berkenaan di Kementerian Pendidikan untuk memperkemas program intervensi bagi membantu para pelajar dan ujian penilaian ini akan dibuat setiap dua bulan.

Bagi mengiktiraf dan menggalakkan lagi usaha-usaha memantapkan prestasi pencapaian di sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan juga mewujudkan satu skim insentif kepada

sekolah-sekolah rendah khususnya.

Ini adalah bagi sekolah-sekolah rendah yang menunjukkan pencapaian dan peningkatan signifikan dalam PSR 2014.

Majlis diteruskan dengan penganugerahan insentif kewangan kepada sekolah-sekolah yang mencapai kemajuan menurut kategori masing-masing.

Insentif tersebut dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu Kategori Insentif bagi Pencapaian Gred A - C, Kategori Insentif bagi Peningkatan Tertinggi dan Kategori Insentif bagi sekolah yang memperoleh 100 peratus lulus.

Penganugerahan tersebut telah disampaikan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar dan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail menyampaikan hadiah kepada guru wakil sekolah yang memperoleh 100 peratus lulus Gred A - D pada Sesi Perjumpaan Yang Berhormat Menteri Pendidikan Bersama Pemimpin-Pemimpin Sekolah Rendah di Dewan Serbaguna, PTES.



Para pemenang Minda Pembaca!



Pandu cermat dan berhemah

ISU kemalangan jalan raya kini semakin meningkat bilangannya setiap tahun di negara kita. Hal ini tidak boleh dipandang ringan oleh masyarakat kerana ia membawa kepada masalah dan melibatkan banyak jiwa yang terkorban. Semua pihak harus menjadi peranan yang penting bagi mengatasi masalah kemalangan di jalan raya yang berisiko tinggi ini.

Kemalangan jalan raya selalu berlaku kerana sikap kecuai pemandu itu sendiri. Mereka kadangkala memandu dalam keadaan yang mabuk, memandu dalam keadaan yang tertekan sehingga tidak menumpukan sepenuhnya kepada pemanduan, memandu secara terburu-buru dengan alasan kesuntukan masa ataupun yang sering dilakukan oleh pemandu adalah memandu sambil membuat kerja lain seperti membaca mesej, menghantar mesej atau membuat panggilan.

Setiap pemandu haruslah menerapkan ciri-ciri sebagai pemandu yang cermat dan berhemah dalam diri mereka untuk mengurangkan salah laku ketika menggunakan jalan raya. Sejak dari kecil lagi pendidikan am sudah diadakan di sekolah untuk memberi moral dan kesedaran yang penting bagi mengelakkan terbelahnya dengan perkara-perkara yang mendorong ke arah kemalangan. Di samping itu juga, pendidikan turut disalurkan melalui media massa seperti televisyen, radio, internet dan sebanding dengannya.

Di antara langkah-langkah keselamatan yang sudah dijalankan pada tahun 2013, iaitu 'Sistem Keselamatan Amalan Pemandu (SIKAP)' di Negara Brunei Darussalam ini telah diperkenalkan bagi pindaan kepada Akta Lalu Lintas dan Penggubalan Peraturan Lalu lintas (Sistem Mata Demerit). Ia adalah untuk memastikan pemandu dengan sikap yang lebih berdisiplin, berwaspada dan mematuhi peraturan-peraturan tanda lalu lintas. Justeru itu, mana-mana pemandu yang melakukan atau melanggar sebarang kesalahan akan dikenakan denda seperti digantung atau dibatalkan lesen memandu. Sebaiknya gunakanlah konsep 'Biar Lambat Asal Selamat'.

Kesimpulannya, setiap individu pengguna jalan raya hendaklah mengamalkan sikap toleransi sesama pengguna jalan raya dan terus mempraktikkan langkah-langkah keselamatan jalan raya untuk mengurangkan kadar kemalangan dan mengelakkan malang tidak berbau, bak kata satu pepatah jangan sampai 'terhantuk baru hendak mengadiah'.

Nama : Nurjuliaha binti Abdullah
No. K/P : 01-060766 (Kuning)
Alamat : No. 19, Simpang 14, Jalan 99, RPN Kampung Rimba Gadong, BE 3319, Negara Brunei Darussalam.

Keselamatan jalan raya tanggungjawab bersama

KEJADIAN kemalangan jalan raya boleh dikatakan setiap hari berlaku yang melibatkan pemandunya terkorban. Hal sedemikian dapatlah kita lihat dan dengar sama ada melalui media massa mahupun cetak. Kini kadar kematian akibat kemalangan lebih tinggi berbanding dengan kadar kematian akibat penyakit. Oleh sebab itulah, perkara ini perlu kita atasi dengan memberikan beberapa langkah bagi mengurangkannya serta melaksanakannya secepat mungkin bagi mengelakkan daripada kesan buruk yang lebih banyak.

Langkah yang wajar sekali diambil untuk mengurangkan kemalangan jalan raya adalah pemandu disarankan supaya mematuhi segala peraturan jalan raya, contohnya memandu mengikut had kelajuan seperti yang ditetapkan, mematuhi semua lampu isyarat, tidak menggunakan telefon bimbit ketika memandu dan seumpamanya. Pemandu yang sentiasa patuh tanpa menyalahi undang-undang dan peraturan serta memandu dengan penuh berhati-hati, sudah tentu ini tidak akan berlaku.

Pihak polis juga mestilah membuat rondaan dan pemeriksaan di jalan-jalan utama, bagi tujuan memastikan bahawa pemandu tersebut mempunyai lesen memandu yang sah dan sebagainya. Ini juga merupakan langkah yang berkesan bagi mengurangkannya. Bagi pemandu yang bersalah kerana melanggar peraturan, mereka hendaklah dikenakan denda ataupun saman dengan jumlah yang tinggi dan memberikan sedikit amaran kepada pemandu tersebut. Dengan adanya cara sebegini, sudah pasti para pemandu akan merasa gentar untuk melakukannya serta berfikir terlebih dahulu sebelum bertindak.

Di samping itu, media massa juga boleh membantu bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Misalnya, melalui televisyen, iaitu dengan menyiarkan dokumentari ataupun iklan yang berkaitan dengan kemalangan jalan raya. Penonton akan menjadikan peristiwa ini sebagai pengajaran. Dengan cara begini, maka wujudlah kesedaran dalam diri setiap pemandu supaya sentiasa berwaspada semasa berada di jalan raya. Tindakan ini dapatlah mengurangkan lagi kadar kemalangan jalan yang semakin memuncak tinggi.

Pendek kata, kemalangan jalan raya boleh kita elakkan, iaitu dengan adanya kerjasama daripada pelbagai pihak dan masyarakat haruslah berganding bahu bagi mengatasinya, maka perkara ini tidak akan berlaku. Hal sedemikian bertepatan dengan slogan 'Pandu Cermat, Jiwa Selamat'.

Nama : Nor Madjumatazul Hanani binti Ahmad
No. K/P : 01-079826 (Kuning)
Alamat : No.16, Simpang 105-12, Jalan.99, RPN Kampung Rimba, Negara Brunei Darussalam.

Pengguna jalan raya perlu berdisiplin

KES kemalangan jalan raya di Negara Brunei Darussalam semakin meningkat. Ini kerana kecuai para pengguna jalan raya. Adakalanya, kita cermat, orang lain pula yang cuai. Oleh itu, ada baiknya jika kita sama-sama bersikap cermat dan belajar mendisiplinkan diri dalam menggunakan jalan raya.

Ketika hendak membelok ke kiri mahupun ke kanan terutama ketika memotong, seelok-eloknya kita gunakanlah lampu agar orang belakang, depan, kiri mahupun kanan tahu akan ke mana kita hendak tuju. Jangan setelah menghampiri simpang yang hendak dimasuki barulah kita menggunakan lampu signal. Ini bukan sahaja membuat orang lain marah malah membuatkan kita dan orang lain akan dalam bahaya. Bahaya kerana jika orang di belakang, depan, kiri dan kanan kita ketika itu memandu laju dan setelah melihat anda ingin membelok, mereka akan terpaksa menekan brek serta-merta dan berkemungkinan tidak sempat sama sekali.

Telefon bimbit juga boleh membuatkan kita leka. Oleh kerana itu, kita tidak dibenarkan menggunakannya semasa memandu. Jangan sekali-kali kita menjawab panggilan, membalas ataupun membaca pesanan kerana satu pesanan sahaja kita boleh tertarik untuk membacanya walaupun hanya pesanan ringkas. Ada baiknya jika kita berhenti di tempat selamat sebelum membaca, membalas atau menerima sebarang panggilan. Memandu melebihi had laju juga amat berbahaya kerana ini bukan sahaja membawa maut pada pemandu lain. Gunakanlah kelajuan yang hanya dibenarkan oleh pihak-pihak tertentu.

Gunakanlah tali keledar jika memandu kerana ia berperanan menahan tubuh kita dari *terpelanting* keluar jika berlakunya kemalangan. Malang itu tidak berbau, begitu juga dengan kemalangan. Kita tidak boleh menghidu bila kemalangan akan berlaku. Jangan kerana kelalaian kita, nyawa kita mahupun orang lain menjadi mangsa. Jadilah pengguna jalan raya yang tidak pentingkan diri sendiri, hormat-menghormati sesama manusia dan bersikap cermatlah selalu. Selalulah ingat orang yang tersayang dan tercinta. Sayangilah nyawa kita. Elakkan semua perkara yang mendatangkan bahaya pada diri sendiri. Biar menyesal sekarang, jangan menyesal kemudian tiada gunanya lagi.

Nama : Kamariah binti Jafarudin
No. K/P : 01-064257 (Kuning)
Alamat : No.33, Jalan Kamangsi Barat, RPN Kampung Meragang, BT 2728, Negara Brunei Darussalam.

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini:

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA:

1. 'Semai Semangat Patriotik Dalam Kalangan Rakyat'. Tarikh Tutup : **11 Februari 2015**.
2. 'Budaya Membaca Di Negara Kita Masih Pada Tahap Yang Rendah'. Tarikh Tutup : **18 Februari 2015**.
3. 'Generasi Berwawasan, Peneraju Masa Depan Negara'. Tarikh Tutup : **25 Februari 2015**.

Terma dan Syarat:

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 tahun hingga 25 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada:

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca,
Unit PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam
atau melalui
E-mel: pelita.brunei@information.gov.bn**

4. Sebanyak tiga penyertaan terbaik akan disiarkan dalam **Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI** dan setiap seorang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak **\$75.00**.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn

Peranan pegawai, pengamal PA sentiasa berubah

Oleh : Samlee Haji Jait
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

RIMBA, Khamis, 5 Februari. - Pegawai dan Pengamal Perhubungan Awam (PA) hendaklah terus membuat penilaian dan analisis mengenai kekurangan dan tatacara pembaikan serta menjadikannya lebih dinamik dan aktif.

Strategi-strategi yang lebih berkesan hendaklah dikenal pasti demi mencapai objektif dan tujuan Jawatankuasa PA yang telah diwujudkan pada bulan Mac 1997.

Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos, selaku Pengerusi Jawatankuasa PA Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan berkata, tugas dan tanggungjawab PA semakin mencabar dan memerlukan pembaharuan bagi menyesuaikan dengan arus peredaran zaman, keadaan, perkembangan dan kehendak semasa dengan adanya faktor-faktor kecanggihan teknologi penyebaran maklumat terkini.

“Dalam aspek ini, peranan Pegawai dan Pengamal PA hendaklah juga sentiasa berubah mengikut perkembangan dan tuntutan semasa, kreatif dan inovatif supaya terus relevan dan dapat diterima oleh masyarakat serta berusaha memenuhi



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos semasa menyampaikan Sijil Kursus Penyampaian Umum kepada seorang peserta dari Kementerian Pendidikan, Awang Alikhan bin Tengah (kiri) dan kepada seorang peserta dari Jabatan Perkhidmatan Awam, Dayangku Amie Wardina binti Pengiran Md. Yusof (kanan).

ekspektasi orang ramai dan *stakeholder* sesebuah organisasi itu,” jelasnya pada Majlis Penyampaian Sijil Kursus Pengucapan Awam di Dewan Penghayatan, Institut Perkhidmatan Awam (IPA), di sini.

Menurutnya, Pegawai dan Pengamal PA pakar rujuk bagi orang ramai bagi mendapatkan maklumat dan panduan dalam hal ehwal yang berkaitan dengan kementerian dan jabatan masing-masing, tetapi jika mereka gagal memainkan peranannya sebagai

penyumbang maklumat yang betul, tepat, cepat dan *responsive*; pihak lain terutamanya orang ramai mungkin akan menggunakan landasan alternatif dalam mendapatkan maklumat daripada sumber yang salah atau mengelirukan.

Perkara berkenaan berpotensi untuk menjejaskan keharmonian hidup bermasyarakat dan bernegara. Sebarang kekeliruan atau ketidakselesaan dalam kalangan orang ramai boleh diatasi dengan

menyebarkan maklumat yang jelas, tepat dan lengkap kepada masyarakat secara proaktif dari semasa ke semasa tanpa berlengah-lengah atau dilalai-lalakan.

Oleh itu, beliau menyeru Pegawai dan Pengamal PA perlu sentiasa *accessible* kepada orang ramai dan berwibawa untuk menangani isu-isu serta berkemampuan untuk memberikan penjelasan dan maklumat yang jitu, relevan sama ada melalui media cetak, media elektronik, majlis-majlis, perjumpaan bersama masyarakat atau kunjungan ke daerah-daerah, mukim-mukim, kampung-kampung dan sebagainya.

Beliau juga melahirkan keyakinan PA yang efektif bukanlah hanya bersifat menunggu dan menerima, tetapi hendaklah bersifat *citizen-centric* yang akan dapat mengukuhkan lagi imej Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang kredibiliti dalam kalangan rakyat dan penduduk sebagai kerajaan yang responsif dan pemedulian.

Dalam proses komunikasi serta berhubung dengan khalayak, Pegawai dan Pengamal PA perlu memahami sikap pelanggan atau sekhalayaknya agar mesej yang dibentuk menepati keperluan mereka. Khalayak mempunyai cita rasa, pendapat dan pendirian yang berbeza terhadap sesuatu isu disebabkan faktor usia, kaum / bangsa, latar belakang pelajaran, persekitaran dan sebagainya.

Di sini bermakna Pegawai dan Pengamal PA perlu mengenal pasti dan melakukan analisis pelbagai khalayak sasaran dalam usaha untuk penyampaian mesej yang berkesan.

Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) JPM juga mengimbas kembali petikan isi kandungan Surat Pemberitahuan yang telah dikeluarkan oleh JPM bertarikh 9 Syawal 1417 Hijrah bersamaan 17 Februari 1997 Masihi, di mana Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah memperkenankan supaya semua kementerian-kementerian mengambil langkah untuk mengaktifkan atau meningkatkan bidang tugas PA Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya pada melayani dan menerima dan seterusnya berusaha mengatasi sebarang permasalahan orang ramai yang berkaitan dengan kementerian-kementerian dan jabatan masing-masing.

Menurutnya, surat pemberitahuan tersebut juga menjelaskan agensi-agensi kerajaan dikehendaki untuk mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi melicinkan urusan-urusan tugas bidang PA di kementerian dan jabatan masing-masing termasuklah dengan

melengkapkan pegawai-pegawai PA masing-masing dengan maklumat berhubung dasar serta perancangan dan pelaksanaannya.

“Jelas sekali begitu pentingnya PA kepada organisasi dan masyarakat. Oleh yang demikian setiap kementerian dan jabatan perlu bertindak dan berusaha untuk mengaktifkan fungsi dan peranan PA masing-masing supaya dapat mencapai hasrat dan objektif tersebut,” ujarnya.

Kursus selama tiga hari itu bertujuan untuk memberikan bimbingan kepada para peserta supaya lebih berkemampuan untuk menyampaikan ucapan secara spontan dalam majlis-majlis tertentu di hadapan pelbagai kumpulan sasaran dengan penuh berkeyakinan dan dapat mengawal perasaan gusar serta menghindari dari melakukan kesilapan dalam pengucapan.

Ia juga dihasratkan untuk meningkatkan kefahaman dan kecekapan Pegawai dan Pengamal PA Agensi-agensi Kerajaan dalam mewujudkan jaringan PA yang efektif di antara kerajaan dan orang ramai.

Kursus berkenaan merupakan kesinambungan kepada kursus untuk Pegawai dan Pengamal PA Agensi-agensi Kerajaan, iaitu Kursus Penyediaan Siaran Akhbar yang telah diadakan pada 13 hingga 15 Januari 2015 lalu.

Latihan berkenaan adalah usaha berterusan pihak Sekretariat Jawatankuasa PA Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan untuk melatih Pegawai dan Pengamal PA yang cekap dan proaktif serta komited untuk membarikan usaha-usaha kerajaan dalam mentadbir, menjaga peluang perekonomian dan menjamin kemakmuran dan kesejahteraan negara.

Jentera PA adalah sebahagian daripada *platform* komunikasi dua hala di antara pihak kerajaan dengan orang ramai perlu hendaklah berkesan supaya ia akan dapat memperlihatkan atau membuktikan kesungguhan pemedulian kerajaan kepada rakyat dan orang ramai.

Sebagai pegawai dan PA, perlunya ada keyakinan untuk membantu ketua-ketua jabatan ataupun mana-mana pegawai yang dilantik menjadi jurucakap agensi masing-masing. Ia merupakan satu kualiti yang perlu diasah, dihalusi dan ditajamkan agar mampu untuk menjadi *frontliner* yang mantap.

Kursus berkenaan merupakan anjuran Jabatan Penerangan, selaku Sekretariat Jawatankuasa PA Kementerian-Kementerian dan Jabatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama IPA.

Caj baru bilik persendirian hospital kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Februari. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai mengenai kadar caj baru bagi bilik-bilik persendirian di hospital-hospital kerajaan di Negara Brunei Darussalam yang telah berkuat kuasa mulai 1 Februari 2015.

Walau bagaimanapun, kenaikan kadar caj baru ini hanya dilaksanakan bagi bilik-bilik persendirian yang baru siap dibina serta bilik-bilik yang telah selesai dinaik taraf dan diperbaiki dengan disediakan kemudahan-kemudahan yang tertentu.

Memandangkan banyak pesakit-pesakit sentiasa memerlukan penggunaan bilik-bilik persendirian secara terus-menerus, maka pihak pengurusan hospital perlu melaksanakan kerja-kerja penaiktarafan dan pembaikan secara berperingkat-peringkat mengikut keperluan dan keutamaan.

Pada masa ini, hanya bilik-bilik persendirian di Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak dan sebahagian bilik-bilik persendirian di wad-wad Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) yang dimaksudkan dapat dikenakan kadar caj baru tersebut mengikut kategori bilik persendirian masing-masing.

Dalam pada itu Kementerian Kesihatan juga ingin menjelaskan bahawa bilik-bilik persendirian yang dikenal pasti masih memerlukan penaiktarafan dan pembaikan maka kadar caj yang lama (sebelum 1 Februari 2015) akan terus dikenakan mengikut kategori bilik persendirian masing-masing.

Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut yang berkaitan dengan perkara itu, orang ramai bolehlah menghubungi Bahagian Perhubungan Awam, Kementerian Kesihatan melalui talian 2380989 atau 2380485.

Status Kerakyatan	Kelas A3 Bilik Kelas Pertama			Kelas A2 Bilik Deluxe			Kelas A1 Bilik Bunga		
	Kadar Caj Sebelumnya	Kadar Kenaikan	Kadar Caj Baru	Kadar Caj Sebelumnya	Kadar Kenaikan	Kadar Caj Baru	Kadar Caj Sebelumnya	Kadar Kenaikan	Kadar Caj Baru
Warga Negara Brunei Darussalam dan Kakitangan Kerajaan	\$50	\$25	\$75	\$80	\$25	\$105	\$150	\$25	\$175
Penduduk Tetap	\$150	-	\$150	\$180	-	\$180	\$300	-	\$300
Bukan Warga Negara Brunei Darussalam	\$150	\$25	\$175	\$180	\$25	\$205	\$300	\$25	\$325

RAJAH mengenai kadar caj baru bagi bilik-bilik persendirian di hospital-hospital kerajaan di Negara Brunei Darussalam yang telah berkuat kuasa mulai 1 Februari 2015.

Lesen perniagaan baharu gantikan Lesen Rampaian



TIMBALAN Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Idris bin Haji Ali semasa berucap pada Majlis Pembarigaan Reformasi Memulakan Perniagaan Bagi Daerah Brunei dan Muara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Februari. - Semua perniagaan yang berdaftar dengan Bahagian Pendaftar Nama-Nama Perniagaan dan Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat (ROCBN), Kementerian Kewangan akan dikeluarkan Lesen Perniagaan oleh KHEDN mulai 1 Januari 2015.

Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Idris bin Haji Ali berkata, Lesen Perniagaan yang ditempatkan di kaunter ROCBN, Kementerian Kewangan ini adalah bagi menggantikan Lesen Rampaian dan mana-mana lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Daerah, Jabatan Bandaran dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Awang Haji Idris menjelaskan demikian pada Majlis Pembarigaan Reformasi Memulakan Perniagaan Bagi Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, di sini.

Bagaimanapun jelasnya, aktiviti perniagaan hendaklah memenuhi garis panduan dan syarat-syarat yang

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani,
Hajah Noor Dina Haji Abd. Rahman
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi**

dikenakan oleh agensi penguat kuasa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Inisiatif ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memulakan perniagaan dengan lebih mudah, cepat dan telus ke arah mewujudkan suasana perniagaan yang lebih *pro-business* dan mesra pelanggan," ujarnya.

Beliau juga memaklumkan bahawa Negara Brunei Darussalam menyertai kajian Ease of Doing Business yang dilaksanakan oleh Bank Dunia (World Bank) sejak Disember 2006 untuk mendapatkan penanda-arasan, maklumat *empirical* dan perbandingan antarabangsa ke atas inisiatif-inisiatif pembaikan yang telah, sedang dan yang dirancang untuk

dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Tambahnya, objektif utama ialah memperbaiki persekitaran perundangan bisnes (*business regulatory environment*) untuk memudah dan mengurangkan beban urusan dan kos memula dan menjalankan perniagaan.

"KHEDN mengharapkan dengan taklimat yang disampaikan ini, masyarakat, para pengusaha, para peniaga dan orang ramai khususnya pemegang-pemegang lesen perniagaan dan yang baru memohon lesen perniagaan akan dapat memahami peraturan ini seterusnya akan memudahkan dan mempercepatkan lagi untuk mendapatkan dan memulakan perniagaan di negara ini," ujarnya.

Reformasi mulakan perniagaan dibarigakan



MAJLIS Pembarigaan Reformasi Memulakan Perniagaan Bagi Daerah Brunei dan Muara dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Idris bin Haji Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Februari. - Ke arah membariga dan memberikan maklumat terkini kepada peniaga tempatan dan semua pihak yang berkepentingan mengenai dengan reformasi-reformasi dan inisiatif yang dilaksanakan dalam memberikan kemudahan perniagaan di negara ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) mengadakan Majlis Pembarigaan Reformasi Memulakan Perniagaan Bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM).

Hadir pada majlis yang berlangsung di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara di sini ialah Timbalan Setiausaha Tetap, KHEDN,

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani,
Hajah Noor Dina Haji Abd. Rahman
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi**

Awang Haji Idris bin Haji Ali.

Pada majlis itu, sesi taklimat mengenai Tatacara Baru Akta Lesen Perniagaan 2015 (Penggagal 127) disampaikan oleh Pemangku Pegawai DBM, Awang Haji Misle bin Haji Abdul Karim.

Beliau antara lain menyentuh mengenai tujuan Pindaan dan Penerangan Akta Lesen Perniagaan (127), 2015; Tatacara Pengeluaran Lesen Perniagaan bagi Memulakan

Perniagaan dan Tatacara Membaharu Lesen Perniagaan (Renewal).

Manakala taklimat mengenai 'Starting a Business: Briefing on Reforms and Procedures' turut disampaikan oleh Ketua Unit Ease of Doing Business, Dayang Mariani binti Haji Sabtu.

Antara tujuan taklimat berkenaan ialah untuk memberikan maklumat terkini mengenai dengan tatacara memulakan perniagaan di bawah Akta



MAJLIS dihadiri oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, pegawai-pegawai dari Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pejabat Peguam Negara, Dewan-Dewan Perniagaan, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung serta para peniaga.

Lesen Perniagaan (Penggagal 127), 2015.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, pegawai-pegawai dari Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pejabat Peguam Negara, dewan-dewan perniagaan, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung serta para peniaga.

Sehubungan dengan itu, Akta Lesen Perniagaan mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2015 yang mana Lesen Rampaian dan mana-mana lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Daerah, Jabatan Bandaran dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama akan digantikan dengan Lesen Perniagaan.

Sebanyak 441 Lesen Perniagaan telah dikeluarkan sehingga 31 Januari 2015.

Majlis tersebut akan dilaratkan ke daerah-daerah lain bermula di Daerah Belait pada 10 Februari depan diikuti di Daerah Tutong pada 12 Februari 2015 dan Daerah Temburong akan diadakan pada 16 Februari 2015.

ANTARA yang hadir mendengarkan taklimat mengenai Tatacara Baru Akta Lesen Perniagaan 2015 (Penggagal 127) di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.



Kesalahan tidak menunaikan Sembahyang Jumaat

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

KESEDARAN mengenai hukum yang berkaitan dengan agama perlu sentiasa dipertingkatkan. Penetapan hukum sepertimana disebutkan dalam al-Qur'an dan Sunnah, walaupun dihuraikan oleh para ulama di dalam kitab-kitab mereka pada dasarnya adalah merupakan perintah Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Kita sebagai hambaNya wajib patuh dan taat kepada hukum yang telahpun ditetapkan itu.

Negara Brunei Darussalam amat peka dan sangat mengambil berat terhadap kepentingan agama. Ini jelas terbukti apabila negara menetapkan hukuman-hukuman kesalahan berkaitan agama diperundangan melalui Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 dan Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77.

Kesalahan-kesalahan yang dimaksudkan itu termasuklah kesalahan-kesalahan am bagi kesalahan orang yang tidak menunaikan sembahyang.

Kewajipan Sembahyang Jumaat

Hukum menunaikan sembahyang Jumaat adalah wajib kepada setiap orang Islam yang mukallaf (sudah baligh dan berakal), merdeka, lelaki dan bermukim. Ini jelas sebagaimana disebutkan dalam al-Qur'an, firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala:

Tafsirnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk



mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan tinggalkanlah berjual beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya)."

(Surah al-Jumu'ah: Ayat 9)

Sesungguhnya Allah Ta'ala memerintahkan umat Islam berkumpul pada hari Jumaat untuk menunaikan sembahyang Jumaat sebagaimana disebutkan dalam firman Allah Ta'ala dalam surah al-Jumu'ah di atas "segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat)".

Maksud 'segeralah pergi ke masjid' itu bukanlah bererti mempercepatkan pergerakan kaki untuk pergi ke masjid, tetapi ia bermaksud mensegerakan niat, hati dan keinginan pergi ke masjid untuk menunaikan sembahyang Jumaat. Perkara inilah yang disebut ulama dalam kitab-kitab tafsir.

Hukum Meninggalkan Sembahyang Jumaat

Meninggalkan sembahyang Jumaat tanpa sebarang keuzuran adalah berdosa sehingga sesiapa yang meninggalkan sembahyang Jumaat sebanyak tiga kali akan dicap hatinya sebagai orang munafiq. Perkara ini jelas disebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu al-Ja'di adh-Dhamriy Radhiallahu 'anhu bahawa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: "Sesiapa yang meninggalkan sembahyang Jumaat tiga kali (berturut-turut) nescaya Allah akan mencap hatinya, dan menjadikan hatinya itu seperti hati orang munafiq."

(Hadits riwayat Ibnu Khuzaimah)

Oleh itu, sesiapa yang meninggalkan sembahyang Jumaat tanpa ada uzur syar'i hukumnya adalah berdosa besar, apatah lagi jika meninggalkannya tiga kali berturut-turut, hatinya akan dicapkan oleh Allah sebagai hati orang munafiq.

Kesalahan Tidak Menunaikan Sembahyang Jumaat Diwartakan

Kesalahan meninggalkan sembahyang Jumaat telahpun diwartakan di dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 di bawah kesalahan-kesalahan am. Jika ada sesiapa tidak menunaikan sembahyang Jumaat tanpa ada keuzuran boleh dikenakan hukuman. Ini jelas sepertimana disebutkan dalam perintah tersebut:

"Mana-mana lelaki yang mukallaf yang tidak menunaikan sembahyang Jumaat di masjid dengan tiada uzur syar'ie atau dengan tiada alasan-alasan yang munasabah adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak

melebihi \$200 bagi kesalahan pertama, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$300 bagi kesalahan kedua, dan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1000 bagi kesalahan ketiga atau berikutnya."

(Buku Warta Kerajaan)

Mengadakan hukuman bagi orang yang tidak menunaikan sembahyang Jumaat sebagaimana yang disebutkan di atas adalah supaya umat Islam di Negara Brunei Darussalam akan sentiasa mendukung perintah Allah Subhanahu Wa Ta'ala disamping memuliakan hari Jumaat itu sendiri. Keprihatinan kerajaan Negara Brunei Darussalam akan kepentingan agama dengan mengambil langkah mewartakan beberapa hukuman-hukuman tertentu adalah semata-mata membuka jalan dan mendorong umat Islam di Negara ini supaya sentiasa taat dan patuh melaksanakan menjalankan perintah Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan menjauhi laranganNya.

Kita rasa bersyukur di atas keprihatinan kerajaan mengenai hukuman-hukuman yang berkaitan dengan agama Islam seperti hukuman denda bagi orang yang tidak menunaikan sembahyang Jumaat dan seterusnya mengambil langkah menutup semua premis perniagaan bagi memberi ruang kepada orang Islam untuk menunaikan sembahyang Jumaat. Perkara ini disambut baik dan mendapat kerjasama daripada pemilik-pemilik premis perniagaan yang bukan sahaja terdiri dari kalangan orang Islam malah juga pemilik-pemilik yang bukan dari orang Islam.

Ini juga adalah selari dengan larangan berjual beli ketika sembahyang Jumaat, kerana umat Islam diperintahkan supaya bergegas untuk pergi mengerjakan sembahyang Jumaat dan meninggalkan jual beli dan kerja-kerja yang lain.

Mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'ala melalui ibadah Sembahyang

SEMBAHYANG lima waktu adalah salah satu rukun Islam yang menjadi asas syi'ar Islam. Malah merupakan ibadah yang pertama dihisab pada hari Kiamat. Dalam al-Qur'an terdapat banyak ayat yang merujuk kepada perintah mendirikan sembahyang antaranya firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah An-Nisaa' ayat 103: **Tafsirnya:** "...Maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna sebagaimana biasa). Sesungguhnya sembahyang itu ialah satu kewajipan ke atas orang-orang yang beriman yang ditentukan waktunya."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menerima kewajipan sembahyang lima waktu ketika Mi'raj, Baginda pada 27 Rejab sebagaimana dalam hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang maksudnya : "... (selain dari apa yang telah aku saksikan semasa aku dibawa Isra' dan Mi'raj pada malam itu), maka Allah fardhukan (atasku) dan atas umatku 50 sembahyang, lalu aku memohon kepadaNya (supaya dikurangkan lagi bilangan sembahyang itu yang telah pun dikurangkan sehingga tinggal 5 sahaja); maka Allah Subhanahu Wata'ala berfirman : Sembahyang fardhu (sehari semalam) itu tetap lima (dari segi bilangannya) dan ia juga tetap 50 (dari segi pahalanya); keputusanKu itu tidak dapat diubah atau ditukar ganti."

Hadits ini menjelaskan betapa besarnya ganjaran dan peranan sembahyang itu ke atas umat Islam. Namun masih ramai umat Islam yang belum mampu merasakan kelazatan beribadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala khasnya ibadah sembahyang. Apa yang lebih menyedihkan pada masa ini terdapat segelintir umat Islam yang meninggalkannya dan memandang mudah terhadap kewajipan

sembahyang lima waktu ini apatah lagi menunaikannya secara berjemaah.

Ini disebabkan kerana pengaruh dan kesibukan duniawi telah mengatasi kewajipan ukhrawi sehingga sanggup meninggalkannya demi mengejar habuan dunia yang tidak seberapa. Oleh itu, sebagai umat Islam wajiblah mengetahui mengapa sembahyang itu difardhukan kepada setiap umat Islam yang mukallaf agar kewajipan tersebut sentiasa menjadi keperluan 'asasi' rohani setiap hari. Justeru itu, muhasabahlah diri kita sebagai makhlukNya yang kerdil ini, siapakah kita untuk mendustakan atau mengukuri nikmat Maha Pencipta.

Sememangnya fitrah segelintir manusia sifatnya pelupa, sombong serta terpengaruh dengan hasutan nafsu dan syaitan sehinggakan Allah Subhanahu Wata'ala mengulangi pertanyaanNya dalam Surah ar-Rahmaan, ayat 13: **Tafsirnya:** "Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?"

Dalam Surah Luqman, ayat 20, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman yang tafsirnya: "Tidaklah kamu memerhatikan bahawa Allah telah memudahkan apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi untuk kegunaan kamu dan telah melimpahkan kepada kamu nikmat-nikmatNya yang zahir (seperti kesihatan dan kekayaan) dan yang batin (seperti ilmu pengetahuan dan akal)."

Jika kita renungi ayat tersebut, terlalu banyak nikmat yang telah Allah anugerahkan kepada hambaNya, malah tidak terhitung banyaknya. Anugerah Allah Subhanahu Wata'ala itu tercurah dalam pelbagai bentuk, setiap detik, setiap minit sama ada kecil atau besar, sadar atau tidak sebagai contoh nikmat iman, nikmat kehidupan, nikmat akal fikiran begitu juga nikmat lima deria

pancaindera manusia iaitu: penghiduan, penglihatan, pendengaran, rasa dan sentuhan. Melalui nikmat-nikmat tersebut, manusia mampu mengenali sesuatu yang baik dan sebaliknya. Selain dari nikmat-nikmat tersebut, Allah Subhanahu Wata'ala juga mengurniakan kemudahan-kemudahan rezeki berupa makanan dan minuman, pakaian, tempat tinggal, kenderaan serta perkerjaan.

Justeru itu, orang yang bersyukur akan menunjukkannya dalam bentuk ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang disalurkan melalui ibadah dan ketaatan menjalankan ajaran agama serta menjauhi segala laranganNya.

Oleh kerana itulah, umat Islam difardhukan sembahyang lima waktu bagi mensyukuri nikmat Allah tersebut dan mendekatkan diri terhadap Penciptanya sebagai tempat mengadu, memohon perlindungan dan bertawakkal. Selain mensyukuri nikmat, hikmah sembahyang disyariatkan itu ialah untuk mendisiplinkan diri serta mendamaikan diri kerana sembahyang itu dipenuhi dengan bacaan doa, ayat suci al-Qur'an dan zikrullah yang menenteramkan setiap jiwa pembacanya sekaligus mencegah seseorang itu daripada perbuatan mungkar.

Sesungguhnya orang yang tidak bersyukur adalah disebabkan faktor kelalaian dan kejahilan. Mereka juga dianggap sebagai orang yang sombong, lupa diri dan kufur terhadap Allah Subhanahu Wata'ala. Mereka seolah-olah tidak memperakui ni'mat dan kesenangan yang dikecapinya sama ada dari segi pangkat, harta kekayaan, kesihatan, keamanan negara dan sebagainya, padahal semuanya itu sebenarnya datang daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Malah mereka beranggapan nikmat tersebut terhasil daripada kepandaian, kepakaran, titik



peluh mereka siang dan malam. Beginilah gambaran sifat buruk orang yang jahil dan enggan bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya begitu banyak yang telah Allah berikan kepada hambaNya tetapi apakah hambaNya tidak dapat membalas rasa syukur itu dengan melaksanakan ibadah sembahyang? Tidakkah mereka merasa malu kerana telah menghirup nikmat yang Allah berikan? Tidakkah mereka takut dengan azab yang telah Allah Subhanahu Wata'ala janjikan di akhirat nanti?

Oleh yang demikian, tiada alasan untuk kita meninggalkan sembahyang walaupun ketika sakit. Sembahyanglah walau di mana juga kita berada dan janganlah memberikan pelbagai alasan untuk tidak menunaikan sembahyang. Sembahyang itu wajiblah dipelihara dan lebih afdhal lagi sembahyang itu ditunaikan di awal waktu agar memperoleh kesempurnaan dan kejayaan dunia akhirat.

Semoga kita dan keturunan kita tergolong dalam golongan yang sentiasa mendirikan sembahyang sesuai dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim ayat 40:

Tafsirnya: "Ya Tuhanku! Jadikanlah aku orang yang tetap mendirikan sembahyang dan (demikian juga) zuriat keturunanku. Ya Tuhan kami! Perkenankanlah doaku."

Suntik semangat patriotisme

Oleh: Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor, Norlia Md. Zain, Hezlinawati Haji Abdul Karim dan Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Jabatan Penerangan

PROGRAM Semarak Pengibaran Bendera Negara yang diadakan di keempat-empat daerah adalah dihasratkan untuk menyuntik semangat patriotisme dengan mengibarkan bendera pada tempoh masa yang telah dimaklumkan.

Pengerusi Program Semarak Pengibaran Bendera Negara Bagi Daerah Temburong, Awang Azman Haji Abdul Rahim ketika menyampaikan ucapan pada majlis itu berkata, hasil dari satu tinjauan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan mengenai pengibaran bendera negara di mukim-mukim dan kampung-kampung antaranya ialah terdapat peningkatan yang sedikit tetapi ketara akan jumlah rumah kediaman yang menaikkan bendera negara di mukim-mukim dan kampung-kampung. Walaupun jumlah tersebut kecil, ianya dilihat sebagai satu perkara yang menggalakkan dan diharap akan terus menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa.

Selain itu, terdapat juga bangunan perniagaan tidak menaikkan bendera negara disebabkan oleh kekeliruan dalam kalangan pemilik perniagaan bahawa pemasangan kain rentang atau banner sudah memadai dan tidak perlu lagi mengibarkan bendera negara.

Di samping itu, terdapat rumah kediaman dan premis perniagaan yang tidak menyedari terhadap garispanduan yang tidak menggalakkan pengibaran bendera negara yang telah pudar warnanya, kecondongan dan ketinggian tiang yang kurang tepat, dan memasang atau meletakkan bendera pada tempat yang tidak sepatutnya.



DAYANG Eleyina Sabtu, guru dari Sekolah Rendah Amo.



AWANG Haji Haslan Haji Rosli, guru dari Sekolah Rendah Piasau-Piasau.

Bagi menangani perkara ini, Jabatan Penerangan telah mengambil beberapa inisiatif ke arah menyebarkan pengetahuan dan maklumat mengenai pengibaran bendera negara, antaranya melalui penjelasan secara berterusan mengenai tatacara pengibaran bendera negara yang betul sempurna dan teratur dan seterusnya memberikan kefahaman tentang peri mustahaknya bendera negara untuk dipelihara dan dihormati.

Oleh itu, program seumpama ini sangat relevan diadakan saban tahun agar ia boleh mengingatkan dan memberi kesedaran kepada semua peringkat lapisan masyarakat di Negara Brunei Darussalam khususnya di Daerah Temburong tentang pentingnya mengibarkan bendera negara dengan sempurna.

Ketua Kampung Selangan, Parit dan Biang Menengah, Awang Dulamit bin Burut berkata demikian ketika ditemui oleh pewarta PELITA BRUNEI pada Program Semarak Pengibaran Bendera Negara Bagi Daerah Temburong, pada 9 Februari yang lalu.

Jelasnya, menyemarakkan Hari Kebangsaan dengan mengibarkan bendera negara dengan megahnya juga merupakan tanda syukur kita kerana diberi rahmat tinggal dan berada di bumi bertuah ini.

“Apabila kita mengibarkan bendera dengan cukup sempurna, orang luar setentunya akan dapat melihat bawah semangat besar kita dalam menyambut hari kebangsaan, walaupun saiz negara kita kecil,” ujarnya.

Tambahnya, orang ramai khususnya penduduk di Daerah Temburong adalah disaran untuk tidak ambil mudah dalam mengibarkan bendera jika kita benar-benar cintakan negara.



DAYANGKU Norsabreena binti Pengiran Razali, Dayang Nur Haziqah binti Haji Sepawi dan Norita Raziah binti Husin dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong menyertai Kumpulan Koir.



KETUA Kampung Selangan, Parit dan Biang Menengah, Awang Dulamit bin Burut.



GAMBAR HIASAN ... Pengetahuan tentang pengibaran bendera yang betul sentiasa diperluaskan antaranya melalui penjelasan secara berterusan mengenai tatacara pengibaran bendera negara yang betul sempurna dan teratur.

Mengulas mengenai tahap pengetahuan penduduk Daerah Temburong dalam mengibarkan bendera dengan sempurna, beliau berpendapat, ada sebahagian penduduk masih perlu diberi pertolongan dan panduan dalam mengibarkan bendera misalnya warga emas.

Oleh itu, bagi mereka yang susah mengibarkan bendera, mereka bolehlah berhubung dengan ketua-ketua kampung masing-masing agar dapat diikhtikan, di samping mengelakkan daripada dipasang sesuka hati.

Sementara itu, Awang Haji Haslan Haji Rosli, guru dari Sekolah Rendah Piasau-Piasau pula berpendapat



TUNAS BANGSA ... Kanak-kanak ini dengan penuh semangat mengibarkan bendera mempersembahkan lagu patriotik.

program seumpama ini amat penting dalam menanamkan semangat patriotik, rasa tanggung jawab dan menghormati bendera negara pada segenap lapisan masyarakat terutama dalam kalangan kanak-kanak.

Terangnya, program ini juga dapat memberi pengetahuan tentang cara menjaga bendera NBD yang betul iaitu seperti menjaga diri sendiri, tempat penyimpanan bendera dan cara mengibarkan bendera yang betul.

Dayang Eleyina Sabtu, guru dari Sekolah Rendah Amo pula berpendapat program ini dapat memberi pendedahan kepada generasi tunas bangsa dalam membantu menyemarakkan semangat patriotisme dalam diri mereka sekali gus mendedahkan mereka kepentingan cintakan negara, taat sentiasa kepada raja dan bangsa.

Beliau turut melahirkan harapan agar usaha ini dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang kerana penglibatan generasi-generasi muda ini dapat memberi pendedahan yang positif tentang peranan dan tanggungjawab mereka sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

“Peringatan melalui program ini sangat relevan terutama mengenai peraturan-peraturan yang ditetapkan tatacara menaikkan dan mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam,” katanya.

Sementara itu, pewarta PELITA BRUNEI juga menemui beberapa

pelajar Tahun 10, Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong sempena program yang diadakan secara serentak ini bagi daerah tersebut iaitu Dayangku Norsabreena binti Pengiran Razali, Dayang Nur Haziqah binti Haji Sepawi dan Norita Raziah binti Husin mengongsikan pandangan yang sama agar kita selaku pelajar menanamkan semangat cintakan negara, bangsa dan agama sejak dari kecil lagi seperti kata pepatah 'melentur buluh biar dari rebungunya'.

Program Semarak Pengibaran Bendera di Daerah Tutong ini mendapat sambutan menggalakkan dari pelbagai masyarakat masing-masing memperlihatkan tekad yang berkobar-kobar termasuk dari corak persembahan yang diperlihatkan memberikan semangat yang begitu tinggi untuk kita sama-sama mencintai bendera negara kita agar ia dikibarkan.

Bagi Dayang Nur Ainaezza binti Noor Aiezan dari sekolah yang sama juga berpeluang menyertai persembahan koir dengan Lagu Patriotik 'Bendera Negara' sangat beruntung menyertai program kali ini setentunya akan akan dapat mencintai dan menjaga warisan serta budaya sebagai identiti bangsa.

Beliau berbangga dengan program yang diadakan ini juga kita selaku rakyat dan penduduk komited dan bertanggungjawab untuk mengibarkan bendera negara.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman hadir selaku tetamu kehormat pada Program Semarak Pengibaran Bendera Negara Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 bagi Daerah Brunei dan Muara.

Membudayakan rakyat, penduduk mengibarkan bendera negara

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Februari. - Jabatan Penerangan akan terus melaksanakan pelbagai program dan pendekatan serta wahana penyampaian agar semua lapisan masyarakat di negara ini akan sentiasa komited dan bertanggungjawab mengibarkan bendera kebangsaan pada setiap kali sambutan hari-hari kebesaran negara diraikan dengan mematuhi aturan-aturan pengibaran yang ditetapkan.

Melalui Program Semarak Pengibaran Bendera Negara atau dulunya dikenali 'Kempen Mengibar Bendera Negara', ia diharap akan menjadi wadah bagi memberikan penjelasan dan menyebarkan maklumat kepada masyarakat mengenai peranan dan fungsi bendera negara, meletak dan mengibarkannya dengan sempurna. Di samping itu, ia dapat menyokong dan membantu usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan dalam sama-sama membudayakan rakyat dan penduduk mengibarkan bendera negara.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menegaskan perkara itu pada Majlis Pelancaran Program Semarak Pengibaran Bendera Negara 2015 Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 di Ruang Atrium, Airport Mall, Berakas.

Menurut beliau program tersebut adalah salah satu program berterusan Jabatan Penerangan sebagai menaati tanggungjawab berbangsa dan bernegara.

Diungkapkan sejak tahun 2009 tambahnya, program berkenaan buat pertama kalinya pada tahun ini dirasmikan secara serentak di keempat-empat daerah, yang antara lain bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan amalan pengibaran bendera kebangsaan pada hari-hari kebesaran negara, mengikut garis pandu yang ditetapkan.

Pemangku Pengarah Penerangan seterusnya berkata, antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak Jabatan Penerangan bagi meningkatkan penghayatan dan penghormatan terhadap simbol kebangsaan bangsa dan negara ialah dengan memberikan penjelasan secara berterusan mengenai tatacara pengibaran bendera yang betul, terutamanya kepada belia-belie dan penuntut-penuntut sekolah tentang



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa berucap pada majlis tersebut.

peri mustahaknya bendera untuk dikibarkan dan dihormati.

Sudah menjadi tradisi jelasnya, menjelang sambutan hari-hari kebesaran negara, bendera negara akan dikibarkan bagi menyemarakkan suasana sambutan, menzahirkan semangat perpaduan dan menyerlahkan simbol patriotisme dan nasionalisme bangsa.

Ke arah merealisasikan hasrat murni itu ujanjarnya, sokongan padu dan kerjasama semua pihak yang berkepentingan adalah sangat diperlukan.

Sehubungan itu tambahnya, para penghulu dan ketua kampung diharap akan dapat menyempurnakan tanggungjawab yang diamanahkan untuk mengagih-agihkan bendera yang disediakan oleh Jabatan Penerangan kepada mereka yang berhak menerimanya selain membarigakan tanggungjawab mengibar bendera dan tatacara yang betul mengibarnya.

Majlis Pelancaran Program Semarak Pengibaran Bendera Negara bagi Daerah Brunei Muara telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Pada majlis tersebut, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina juga melancarkan laman sesawang Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, iaitu www.nationaldayinformation.gov.bn.

Melalui laman sesawang tersebut, orang ramai dapat mengikuti informasi terkini secara 'online', termasuk pembarigian pelbagai acara dan kegiatan yang berkaitan Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 tahun.

Program Semarak Pengibaran Bendera Negara Suntik semangat patriotisme

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Februari. - Dalam usaha untuk menanam dan mempertingkatkan kesedaran rakyat dan penduduk mengenai peranan dan tanggungjawab mengibarkan bendera negara, Jabatan Penerangan menganjurkan Program Semarak Pengibaran Bendera Negara Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 di keempat-empat daerah.

Di Daerah Brunei dan Muara, program dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman selaku tetamu kehormat.

Ruang Atrium, Airport Mall, Berakas, tempat berlangsungnya acara bergema dengan nyanyian Lagu Kebangsaan, 'Allah Peliharakan Sultan' oleh Kumpulan Koir Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar, Kiarong diiringi oleh Kadet Tentera Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin.

Pada majlis tersebut, Yang Mulia Datin Paduka menyempurnakan penyampaian Bendera Negara Brunei Darussalam kepada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung.

Program diserikan dengan beberapa persembahan nyanyian koir Lagu Patriotik 'Bendera Negara' oleh Kumpulan Koir Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar, Kiarong, Deklamasi Puisi 'Seri Begawan Bapa Kemerdekaan' oleh Dayangku Mumtazah binti Pengiran Haji Mohd Jaafar, nyanyian lagu 'Citra Negara' oleh Awang Kifli bin Tengah, nyanyian lagu 'Laksana Puteri' oleh Dayang Hajah Suzyliawati binti Md. Said, Sketsa Drama 'Semangat Kemerdekaan' tulisan dan arahan oleh AD.Deen, nyanyian duet lagu 'Bahagia Brunei Darussalam' oleh Awang Kifli bin Tengah dan Dayang Hajah Suzyliawati binti Md Said.

Tetamu kehormat seterusnya merasmikan laman sesawang Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31, www.nationaldayinformation.gov.bn oleh tetamu kehormat majlis.

Lebih 300 orang hadir pada acara tersebut terdiri daripada pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai dari Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), pegawai-pegawai



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina semasa menyerahkan bendera kepada para penghulu dan ketua kampung.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Syirain Affi Md Fadzil
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

perhubungan awam, majlis perundingan mukim, majlis perundingan kampung, premis-premis perniagaan, syarikat swasta, 'tenants' (penyewa kedai) yang berhampiran, penuntut-penuntut sekolah-sekolah kerajaan dan swasta seperti Sekolah Menengah Berakas, Sekolah Rendah Anggerek Desa, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah, Cosmopolitan College of Commerce and Technology dan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Turut hadir Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abd. Samad; Penghulu Mukim Berakas 'A', Yang Berhormat Awang Haji A.Ahmad bin Husain dan Ketua Kampung Belimbing, Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd Daud bin Karim.

Sempena program tersebut, orang ramai juga berpeluang untuk menyaksikan pameran dari Jabatan Penerangan dan Jabatan Adat Istiadat Negara yang akan diadakan sehingga hari Ahad ini.

Program antara lain bertujuan untuk meningkatkan rasa hormat dan sayang rakyat serta penduduk negara ini terhadap bendera negara yang merupakan simbol keagungan dan kedaulatan raja, bangsa dan negara.

Selain itu, ia juga secara langsung membantu usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan dalam menggalakkan rakyat dan penduduk untuk mengibarkan bendera negara.

Semoga dengan program ini, rakyat akan memahami mengenai peranan dan fungsi bendera sebagai lambang kemegahan dan kedaulatan raja, bangsa dan negara. Rakyat juga akan lebih memahami bahawa mengibarkan bendera negara semasa hari-hari kebesaran negara adalah salah satu tanggungjawab bernegara yang perlu mereka patuhi dan taati.

Majlis yang sama diadakan serentak di daerah-daerah lain, bertempat di Dewan Persidangan, Kuala Belait, Ruang Legar Kompleks Bangunan Bumiputera, Pekan Bangar, Temburong dan Tutong Mall Central, Pekan Tutong.



PROGRAM Semarak Pengibaran Bendera Negara yang berlangsung di Ruang Atrium, Airport Mall, Berakas antara lain bertujuan untuk meningkatkan rasa hormat dan sayang rakyat dan penduduk negara ini terhadap bendera negara.

Sikap 'pahat dengan penukul' perlu dihapuskan



SETIAUSAHA Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Yahya bin Haji Idris ketika berucap pada Majlis Perasmian Program Semarak Pengibaran Bendera Negara Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 bagi Daerah Belait anjuran Jabatan Penerangan, JPM.

KUALA BELAIT, Isnin, 9 Februari. - Sebagai rakyat yang cintakan negara, masyarakat Negara Brunei Darussalam perlu mengikis sikap lama 'seperti pahat dengan penukul,' yang bermaksud jika disuruh baru membuat.

Setiausaha Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam), Jabatan Perdana Menteri, Awang Yahya bin Haji Idris menyatakan, sikap sedemikian perlu dihapuskan dan tidak lagi sesuai dengan peredaran masa yang sentiasa dinamik, yang menagih sikap proaktif dan berdaya tahan serta berdaya saing.

Kemerdekaan yang dikecapi amat mahal



SETIAUSAHA Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam) di JPM, Awang Yahya bin Haji Idris semasa menyaksikan pameran.

Oleh : Noraisah Muhammed

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Mohd. Sahrizal Haji Said

KUALA BELAIT, Isnin, 9 Februari. - Setiausaha Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Yahya bin Haji Idris menekankan bahawa nikmat 31 tahun kemerdekaan yang sudah dikecapi amat mahal untuk dihargai.

Katanya, dengan memiliki sehelai bendera serta mengibarkannya setiap tiba Hari Kebangsaan menandakan kita amat berbangga dan berbahagia atas kemerdekaan.

Beliau menyeru kepada seluruh rakyat di Daerah Belait khususnya dan seluruh negara amnya untuk sama-sama mengibarkan bendera kebangsaan sebagai rasa bersyukur kerana dapat hidup di sebuah negara yang merdeka, aman dan makmur di bawah kepimpinan seorang raja yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan disaluti perasaan taat setia yang tidak berbelah bahagi.

Beliau berucap demikian pada Program Semarak Pengibaran Bendera

Oleh : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Mohd. Sahrizal Haji Said

Awang Yahya menyatakan, untuk menyemai dan menaikkan semangat patriotisme dan kenegaraan, bukanlah sesuatu yang sukar atau berat. "Nilai sehelai bendera negara, bukan sekadar diukur kepada harganya di kedai-kedai, tetapi perlu dinilai melalui kacamata kemerdekaan sejak 31 tahun sudah kita kecapi," jelas Awang Yahya selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Program Semarak Pengibaran Bendera Negara Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 bagi Daerah Belait anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang diadakan di Dewan Persidangan, di sini.

Oleh yang demikian, tetamu kehormat menyeru setiap lapisan masyarakat di Daerah Belait khasnya dan di Negara Brunei Darussalam amnya untuk sama-sama mengibarkan bendera negara sebagai tanda taat setia yang tidak berbelah bahagi dan rasa syukur kerana dapat hidup di sebuah negara yang merdeka, aman dan makmur di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menurut Awang Yahya, kebanggaan dan taat setia, bukanlah hanya setakat mengibarkan bendera, tetapi perasaan tersebut hendaklah terus berakar teguh di fikiran dan sanubari. "Perasaan tersebut juga perlulah ditunjukkan dalam tingkah laku selaku rakyat dan penduduk termasuk sebagai warga Perkhidmatan Awam (PA)," jelasnya.

Sehubungan itu, Awang Yahya menyeru warga PA khususnya di Daerah Belait untuk terus melipatgandakan lagi usaha dan komitmen ke arah menghasilkan produktiviti dan kecemerlangan kerja.

"Selaku nadi penggerak dan wira-wira kerajaan, setiap anggota PA perlu mengubah budaya kerja agar lebih cekap, efisien dan bertindak cepat bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik. Ini termasuklah dalam memperbaiki proses dan prosedur PA agar 'red tape' dan sebarang kelambatan dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai dikurangkan dan tahap kepuasan hati mereka dapat dipertingkatkan," tegasnya.

"Kita juga mestilah tangkas dalam melaksanakan peraturan-peraturan PA yang sudah ada bagi meningkatkan disiplin dan kecekapan serta kualiti kerja yang tinggi," ujar beliau.

Dalam hal ini, Awang Yahya menggesa generasi muda selaku generasi pewaris dan pemimpin akan datang supaya memperkukuhkan lagi kewibawaan dan semangat patriotisme masing-masing. "Belia-belie khususnya perlulah mengambil berat tentang hal ehwal negara dan mempunyai tekad untuk berjuang demi masa depan negara. Mereka perlu memahami aspirasi dan dasar negara terutama matlamat-matlamat Wawasan 2035," jelasnya.

Selain itu, tambah Awang Yahya, generasi muda hendaklah juga menajamkan fikiran dan bersedia mengorak langkah untuk sama-sama

Belait di Dewan Persidangan, Kuala Belait, di sini.

Sementara itu, Pemangku Timbalan Pengarah, Dayang Noorashidah binti Haji Aliomar, selaku Pengerusi Program Semarak Pengibaran Bendera Negara bagi Daerah Belait menerangkan Jabatan Penerangan berperanan penting sebagai mata, telinga dan lidah kerajaan dalam membarigakan program dan aktiviti kerajaan serta akan terus mengadakan program tersebut dan akan mempertingkatkan kerana ia masih relevan dan mustahak.

Jelasnya, program itu bertujuan untuk menanam dan mempertingkatkan kesedaran rakyat tentang peranan dan tanggungjawab dalam mengibarkan bendera dan meningkatkan rasa hormat terhadap bendera simbol keagungan dan kedaulatan negara.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa dengan diikuti Lagu Kebangsaan, 'Allah Peliharakan Sultan' yang dinyanyikan beramai-ramai oleh para penyanyi koir dari Sekolah Menengah Sayyidina Ali (SMSA), Kuala Belait.

Ia diteruskan dengan paluan gong yang diiringi oleh tiupan seruling dan persembahan Lagu Patriotik 'Bendera



BARISAN Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pasukan Polis Diraja Brunei menamai bendera kebangsaan.

menandai visi negara kerana mereka yang akan diharap dan diberikan kepercayaan untuk turut menerajui strategi yang terkandung dalam wawasan tersebut.

Negara amat memerlukan generasi yang berpendidikan, berkualiti tinggi dan mempunyai kepakaran dalam berbagai bidang, tambah Awang Yahya agar dasar dan matlamat wawasan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sementara itu, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluan antara lain menerangkan latar belakang dan tujuan program diadakan.

Program Semarak Pengibaran Bendera Negara atau sebelumnya dikenali sebagai 'Kempen Mengibar Bendera' merupakan salah satu program berterusan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri sebagai menandai tanggungjawab

berbangsa dan bernegara.

Diungkayahkan sejak tahun 2009, program tersebut julung kali tahun ini dilancarkan secara serentak di keempat-empat daerah antara lain bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan amalan pengibaran bendera kebangsaan pada hari-hari kebesaran negara mengikut garis pandu yang ditetapkan.

Dayang Hajah Noorashidah berharap para penghulu dan ketua kampung akan dapat menyempurnakan tanggungjawab yang diamanahkan untuk mengagih-agihkan bendera yang disediakan oleh Jabatan Penerangan kepada mereka yang berhak menerimanya.

"Begitu juga mesej mengenai tanggungjawab mengibarkan bendera pada hari-hari kebesaran negara termasuklah tatacara yang betul mengibarkannya perlu dibariga bersama," saran beliau.



SETIAUSAHA Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Yahya bin Haji Idris semasa menyampaikan poster dan bendera kebangsaan kepada seorang penghulu mukim.

Negara' yang disampaikan oleh kumpulan koir dari SMSA, Kuala Belait.

Program itu juga dihasrat akan dapat menimbulkan semangat patriotik dan menyuntik perpaduan rakyat untuk bersatu dalam mendukung usaha-usaha agensi kerajaan yang lain dalam usaha mengibarkan bendera.

Antara objektif program tersebut adalah untuk menanam dan mempertingkatkan kesedaran rakyat dan penduduk negara ini mengenai peranan dan tanggungjawab menaikkan serta mengibarkan bendera negara selain meningkatkan rasa hormat dan sayang rakyat dan penduduk negara ini terhadap bendera negara yang merupakan simbol keagungan dan kedaulatan raja, bangsa dan negara.

Program juga menjelas dan menerangkan kepada rakyat dan penduduk negara ini mengenai fungsi dan peranan bendera sebagai lambang jati diri, pemangkin semangat nasionalisme, kemegahan bangsa dan negara.

Ia diungkayahkan untuk menggalak dan membudayakan amalan pengibaran bendera negara dalam kalangan rakyat dan penduduk negara ini semasa sambutan perayaan hari-hari kebesaran negara dengan mematuhi aturan-aturan yang sudah ditetapkan dan pada masa yang sama adalah untuk mendukung dan membantu usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan dalam menggalakkan rakyat serta penduduk untuk mengibarkan bendera negara.

Selain itu, ia juga untuk memahami peranan bendera yang merupakan lambang kedaulatan dan identiti sesebuah negara yang berkait rapat dengan semangat patriotik dalam mempertahankan maruah bangsa, agama dan negara kerana sejarah telah membuktikan bahawa bendera berperanan penting dalam menjunjung kedaulatan negara.

Jabatan Penerangan akan meneruskan acara serupa dengan pendekatan yang berbeza dari pelaksanaan di tahun-tahun

sebelumnya.

Program itu dihasratkan untuk kefahaman serta pengertian kepada rakyat mengenai peranan dan fungsi bendera sebagai lambang kemegahan dan kedaulatan raja, bangsa dan negara selain memahami bahawa mengibarkan bendera negara semasa hari-hari kebesaran negara adalah tanggungjawab bernegara yang perlu dipatuhi dan taati.

Hadir sama termasuk pegawai-pegawai kanan kerajaan, majlis perundingan mukim, majlis perundingan kampung, pengetua-pengetua sekolah, persatuan-persatuan, premis perniagaan, syarikat swasta, Kumpulan koir dari SMSA, kadet tentera dan polis serta para penyanyi koir Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Mumong, Kuala Belait.

Majlis yang sama telah diadakan serentak di daerah-daerah.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, selaku Pengerusi Majlis ketika berucap pada majlis tersebut.

Program Semarak Pengibaran Bendera pupuk ketaatan dan kesetiaan

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Penguatkuasaan) di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan Program Semarak Pengibaran Bendera Negara bagi Daerah Tutong.

TUTONG, Isnin, 9 Februari. - Seluruh rakyat dan penduduk sewajarnya akan secara berterusan memelihara tradisi ketaatan dan kesetiaan dalam kehidupan berbangsa dan bernegara.

Semangat kenegaraan yang tulen patut terus dikekalkan dalam sama-sama menyahut seruan kerajaan bagi menyemarakkan hari-hari kebesaran negara pada setiap tahun dengan rasa penuh tanggungjawab.

Ke arah ini, Program Semarak Pengibaran Bendera Negara Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah diadakan hari ini secara serentak di keempat-empat daerah. Bagi Daerah Tutong, ia berlangsung di Central Mall, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Penguatkuasaan) di JPM, Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar.

Juga hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara di Daerah Tutong, Pegawai Daerah Tutong, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung daerah ini serta

jemputan-jemputan khas.

Majlis bermula dengan lagu kebangsaan oleh Kumpulan Koir Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong.

Sementara itu, Pegawai Penerangan Kanan Jabatan Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini, selaku Pengerusi Majlis berkenaan dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, program tersebut diharap akan terus menjadi wadah bagi memberikan penjelasan dan menyebarkan maklumat kepada masyarakat mengenai peranan dan fungsi bendera negara, meletak dan mengibarkannya dengan sempurna.

Di samping itu katanya, ia juga dapat menyokong dan membantu usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan dalam sama-sama menggalakkan rakyat dan penduduk mengibarkan bendera negara.

Ke arah merealisasikan hasrat murni ini tambahnya, sokongan padu dan kerjasama semua pihak yang berkepentingan, terutama sekali di peringkat akar umbi adalah sangat diperlukan.

Sehubungan itu jelasnya lagi, para penghulu dan ketua kampung diharap

akan dapat menyempurnakan tanggungjawab yang diamanahkan untuk mengagih-agihkan bendera yang disediakan oleh Jabatan Penerangan kepada mereka yang berhak menerimanya.

Tambahnya, begitu juga mesej mengenai tanggungjawab mengibarkan bendera pada hari-hari kebesaran negara, termasuklah tatacara yang betul mengibarkannya perlu dibariga bersama.

Majlis pagi itu diserikan dengan beberapa persembahan patriotik seperti puisi bertajuk 'Seri Begawan Bapa Kemerdekaan', persembahan nyanyian serta sketsa drama dari Kumpulan PeSTAB.

Acara kemuncak pada pagi ini ialah

penyampaian bendera negara oleh tetamu kehormat kepada lapang penghulu dan 33 ketua kampung bagi Daerah Tutong.

Antara lain objektif program tersebut ialah menanam dan mempertingkatkan kesedaran rakyat dan penduduk negara ini mengenai peranan dan tanggungjawab mereka menaik dan mengibarkan bendera negara semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan.

Selain itu, ia juga bagi meningkatkan rasa hormat dan sayang rakyat dan penduduk negara ini terhadap bendera negara yang merupakan simbol keagungan dan kedaulatan raja, bangsa dan negara.



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Penguatkuasaan) di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar semasa menyaksikan pameran pada program tersebut.



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Penguatkuasaan) di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar menyampaikan bendera negara kepada seorang penerima di Daerah Tutong.

Jangan kibar bendera usang, terbalik

PEKAN TUTONG, Isnin, 9 Februari. - Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Penguatkuasaan), Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar menyedari masih ada yang kurang peka atau bersifat endah tak endah mengenai penting dan signifikannya mengibarkan bendera negara.

Apa yang lebih menyedihkan lagi tegasnya didapati ada yang langsung tidak mengibarkan bendera atau mengibar bendera yang sudah usang atau dipasang terbalik, selain ada juga menggunakan tiang dari bahan yang tidak sewajarnya seperti batang kail. Ini adalah perbuatan yang langsung tidak memberikan penghormatan sewajarnya kepada bendera negara.

Ketika berucap selaku tetamu kehormat pada Program Semarak Pengibaran Bendera Negara Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 bagi Daerah Tutong anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan

Perdana Menteri di Central Mall di sini, Dato Paduka Awang Haji Hamdan menegaskan, bendera negara perlu dikibarkan dengan penuh rasa bangga dan pastikan bendera yang dikibarkan dalam keadaan yang baik dan berpanduan tatacara yang telah ditetapkan.

Dalam konteks ini, melalui program ini ia adalah diharapkan akan menjadi salah satu pemangkin atau *catalyst* ke arah menanam semangat cintakan ugama, bangsa dan negara kerana bendera lambang kedaulatan dan identiti sesebuah negara, berperanan penting dalam memartabatkan kedaulatan negara dan berkait rapat dengan mempertahankan maruah bangsa, agama dan negara. Justeru itu, ia perlu dijaga dengan penuh rasa tanggungjawab.

Dalam ucapannya juga menyentuh mengenai tema 'Generasi Berwawasan' memberi tumpuan khusus dalam usaha memberikan nilai-nilai jati yang tinggi kental kepada generasi hari ini termasuk

menjiwai nilai-nilai patriotisme seperti cintakan negara, ugama, bangsa dan negara.

Program Semarak Pengibaran Bendera Negara antara lain dihasratkan agar seluruh rakyat dan penduduk negara ini menanamkan dan mempertingkatkan kesedaran mengenai peranan dan tanggungjawab mereka menaik dan mengibarkan bendera negara semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan.

"Sewajarnya seluruh rakyat dan penduduk secara berterusan memelihara tradisi ketaatan dan kesetiaan dalam kehidupan berbangsa dan bernegara," tegas Dato Paduka lagi.

Di samping itu juga ujarinya, ia dihasratkan untuk meningkatkan rasa hormat dan sayang rakyat dan penduduk negara ini terhadap bendera yang merupakan simbol keagungan dan kedaulatan raja, bangsa dan negara dan memelihara tradisi ketaatan dan kesetiaan dalam kehidupan berbangsa dan bernegara.



ANTARA persembahan sketsa drama oleh Kumpulan PeSTAB.



UCAPAN alu-aluan oleh Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini, selaku Pengerusi Majlis tersebut.

Semarak sambutan Hari Kebangsaan dengan tulus ikhlas

Oleh : Norliah Md. Zain, Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Masri Osman, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos berucap pada majlis tersebut.

TEMBURONG, Isnin, 9 Februari. - Rakyat dan penduduk di negara ini perlu menyemai semangat untuk memelihara, menjaga dan menghormati Bendera Negara Brunei Darussalam dan memastikan ia berkibar dengan megah di angkasa raya agar ia bertapak teguh di sanubari generasi muda.

Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos menyeru pada Program Semarak Pengibaran Bendera Negara yang berlangsung

di Ruang Legar, Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar.

“Kitani sudah setentunya tidak mahu melihat bendera negara akan hilang maknanya disebabkan oleh kelalaian dan kecuai yang dianggap kecil sahaja, tetapi mengakibatkan kesan negatif yang besar terhadap kewujudan bangsa Brunei dan negara tercinta,” jelasnya.

Awang Haji Mohd. Rozan seterusnya berharap agar semua pihak sama-sama memeriah dan menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 bermula dengan hati yang tulus ikhlas, murni dan suci mengibarkan bendera negara.

“Kitani selaku generasi Brunei hari ini adalah pembentuk generasi Brunei akan datang yang akan menentukan hala tuju Negara Brunei Darussalam seterusnya,” katanya.

Sementara itu, Pegawai Penerangan Kanan, Awang Azman bin Haji Abdul Rahim, selaku Pengerusi Program Semarak Pengibaran Bendera Negara Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 bagi Daerah Temburong dalam ucapan alu-aluan berharap agar program kenegaraan itu akan terus menjadi wadah dalam memberikan penjelasan dan menyebarkan maklumat kepada masyarakat mengenai peranan dan fungsi bendera negara dan kaedah-kaedah meletak dan mengibarkannya dengan sempurna.



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan menyempurnakan penyampaian bendera negara kepada Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Di samping itu, beliau berkata program itu dihasratkan agar dapat mendukung dan membantu usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dalam sama-sama menggalakkan rakyat dan penduduk mengibarkan bendera negara.

Demi merealisasikan hasrat murni tersebut, ujaninya sudah setentunya sokongan padu dan kerjasama semua pihak yang berkepentingan terutama sekali di peringkat akar umbi amat diperlukan.

Dengan kata lain, jelasnya lagi kejayaannya tidak akan mudah diraih melalui usaha perseorangan atau satu pihak sahaja, tetapi secara berkumpulan atau berpasukan (teamwork).

Pada majlis itu, Awang Haji Mohd. Rozan juga menyempurnakan penyampaian bendera negara kepada penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung untuk diagih-agihkan kepada yang layak menerimanya di mukim-mukim dan kampung masing-masing.

Program Semarak Pengibaran Bendera Negara anjuran Jabatan Penerangan turut diserikan dengan persembahan deklamasi puisi, sketsa

drama serta nyanyian lagu-lagu patriotik dari Kumpulan Penggiat Seni Tanah Air Brunei (PeSTAB) serta persembahan nyanyian koir dan Bicara Berirama oleh Kumpulan Koir Sekolah Rendah Amo selain diadakan pameran mengenai bendera negara.

Antara yang hadir pada majlis itu, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad; ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan jabatan-jabatan kerajaan cawangan Daerah Temburong; para penghulu dan ketua-ketua kampung; guru-guru besar sekolah-sekolah rendah kerajaan, ugama dan swasta serta para pelajar.

Program berkenaan diharap mampu

memberikan kesan positif yang amat mendalam di dalam diri setiap individu dan pihak-pihak lain untuk sama-sama mengibarkan bendera negara bagi memeriah dan menyemarakkan lagi hari-hari kebesaran negara.

Sebelum ini, ia dikenali sebagai ‘Kempen Mengibar Bendera Negara’, program buat julung kalinya diadakan serentak di seluruh negara.

Program antara lain mempunyai objektif untuk menanam dan meningkatkan kesedaran rakyat dan penduduk di negara ini mengenai peranan dan tanggungjawab mereka menaik dan mengibarkan bendera negara semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan.



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan menyempurnakan penyampaian bendera negara kepada seorang Ketua Kampung untuk diagih-agihkan kepada yang layak menerimanya.



SKETSA drama serta nyanyian lagu-lagu patriotik dari Kumpulan Penggiat Seni Tanah Air Brunei (PeSTAB) menyerikan suasana program tersebut.



PERSEMBAHAN nyanyian patriotik memeriahkan lagi Program Semarak Pengibaran Bendera bagi Daerah Temburong.



PERSEMBAHAN nyanyian koir oleh Kumpulan Koir Sekolah Rendah Amo memeriahkan lagi Program Semarak Pengibaran Bendera bagi Daerah Temburong.

Kibarkan bendera negara, zahirkan semangat patriotisme



PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 Tahun bagi Daerah Temburong.



ANTARA yang hadir memeriahkan Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 Tahun bagi Daerah Temburong.

Oleh : Hezlinawati
Haji Abdul Karim
Foto : Ah Chua

TEMBURONG, Ahad, 8 Februari. - Hujan lebat yang turun sejak awal subuh tidak melunturkan semangat patriotisme penduduk di daerah ini dalam sama-sama memeriahkan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 Tahun dengan mengadakan Upacara Menaikkan Bendera Negara.

Majlis yang pada mulanya dijadualkan berlangsung di kawasan Dermaga, Pekan Bangar itu terpaksa dipindah ke ruang legar, Kompleks Utama Bumiputera, Pekan Bangar bagi menantikan kehadiran tetamu kehormat majlis, Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah.

Dimulai dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Imam Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Awang Haji Shaf-Rillah bin Haji Ahmad, majlis diikuti dengan pasukan membawa bendera, diketuai oleh Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Ajmin bin Haji Meludin, selaku Pengerusi Bersama majlis untuk diserahkan kepada Awang Haji Abdul Hamid yang seterusnya menyerahkan bendera tersebut kepada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB).

Majlis disemarakkan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan disusuli dengan lagu 'Bendera Negara' oleh



PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid menyerahkan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada Inspektor (P), Awangku Mohd Adib bin Pengiran Haji Kamarudin bagi Upacara Menaikkan Bendera Negara.

kumpulan koir dari Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar.

Pegawai Daerah Temburong kemudian menyerahkan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada penghulu-penghulu mukim di daerah ini.

Upacara Menaikkan Bendera Negara yang disempurnakan oleh PDB tetap berjalan dengan lancar di sebalik cuaca hujan.

Antara yang hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dan Pemerintah Daerah Polis Cawangan Temburong, OCPD Awang Azree bin Haji Talib, selaku Pengerusi Bersama majlis, ketua-ketua cawangan

jabatan-jabatan kerajaan, ketua-ketua kampung dan persatuan-persatuan bukan kerajaan di Daerah Temburong.

Dengan sempurnanya majlis tersebut seluruh rakyat dan penduduk di daerah ini diseru agar sama-sama mengibarkan bendera di rumah kediaman masing-masing serta bangunan-bangunan pejabat dan perniagaan, manakala orang-orang bergelar diminta menaikan bendera peribadi masing-masing mulai hari ini hingga 26 Februari 2015 dalam sama-sama memeriahkan dan menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31.

Kibar bendera negara, semarakkan Sambutan Hari Kebangsaan

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Ahad, 8 Februari. - Majlis Penaikan dan Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31, Tahun 2015 Peringkat Daerah Tutong diadakan di kawasan Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat dibacakan oleh Imam Masjid Penanjong, Awang Haji Mohd. Kartolo bin Haji Abang.

Turut memeriahkan majlis ialah



BENDERA negara mula berkibar megah di kawasan Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

ketibaan konvoi pembawa bendera yang diiringi oleh gabungan Persatuan Kenderaan Pacuan Empat Roda Daerah Tutong dan Kelab Motosikal KEKAL, Pasukan Serunai dan Tambur Jabatan Penjara serta peserta Program Perkampungan Sukarelawan Daerah Tutong.

Bendera negara kemudian diserahkan kepada Pegawai Daerah Tutong yang kemudiannya menyerahkan kembali kepada Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) bagi Upacara Pengibaran Bendera.

Upacara Menaikkan Bendera diiringi dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh kumpulan koir pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan dan cawangan-cawangan kerajaan, penuntut-penuntut Sekolah Menengah Muda Hashim dan Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Tutong.

Pada majlis itu, Pegawai Daerah Tutong juga menyerahkan bendera negara kepada penghulu-penghulu mukim.

Dengan sempurnanya majlis tersebut seluruh rakyat dan penduduk di daerah ini diseru agar sama-sama mengibarkan bendera di rumah kediaman masing-masing dan bangunan-bangunan pejabat dan perniagaan.

Bagi orang-orang bergelar diminta menaikan bendera peribadi masing-masing mulai hari ini dalam sama-sama memeriahkan dan menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31.



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali semasa hadir pada Upacara Menaikkan Bendera Negara Bagi Peringkat Daerah Tutong di kawasan Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Wardi menyerahkan bendera negara kepada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei untuk dikibarkan di kawasan Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Bendera simbol kedaulatan negara

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Ahad, 8 Februari. - Seluruh rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam akan meraikan sambutan Hari Kebangsaan Ke-31 pada 23 Februari ini.

Bagi membarigakan hari tersebut, Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam diadakan serentak di keempat-empat daerah dan di Daerah Belait, upacara diadakan di kawasan Taman Persiaran Cendera Kenangan (TPCK), Jalan Sungai, di sini.

Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman hadir menyaksikan upacara berkenaan. Juga hadir ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi Daerah Belait, ketua-ketua jabatan dan Cawangan Daerah Belait, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pihak swasta, persatuan-persatuan serta ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Upacara dimulakan dengan bacaan

Surah Al Faatihah dan doa selamat oleh Ketua Kawasan 2, Masjid-Masjid Daerah Belait, Awang Aminorddin bin Haji Yussof dan disusuli dengan pasukan pengibar bendera Negara Brunei Darussalam bergerak masuk yang terdiri daripada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB). Ini diikuti ketibaan rombongan konvoi pembawa bendera kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Hasmi bin Haji Mat Yassin yang diiringi oleh Persatuan Pengembara Daerah Belait dan Persatuan Pemilik Skuter Daerah Belait.

Setelah Bendera Besar Negara Brunei Darussalam diserahkan kepada Pegawai Daerah Belait yang kemudian menyerahkannya kepada PDB untuk dinaik dan dikibarkan.

Upacara Menaikkan Bendera Negara diiringi dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei

Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' oleh penuntut Sekolah Menengah Perdana Wazir yang seterusnya menyanyikan lagu 'Bendera Negara'.

Pegawai Daerah Belait kemudian mengagih-agihkan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kepada Penghulu-penghulu dan Pemangku-pemangku Penghulu Mukim Daerah Belait untuk dikibarkan di kawasan mukim masing-masing dan bendera negara juga diserahkan kepada Ketua Peserta Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) yang akan menyertai perbarisan Sambutan Hari Kebangsaan pada 23 Februari ini.

Seluruh rakyat dan penduduk di negara ini diminta mengibarkan bendera negara di kesemua bangunan kerajaan, swasta dan rumah persendirian masing-masing. Bagi Pengiran-Pengiran dan mereka yang dikurniakan gelaran dikehendaki menaik dan mengibarkan bendera peribadi masing-masing, sementara orang ramai hendaklah menaik dan mengibarkan Bendera Negara Brunei Darussalam bermula hari ini sehingga 26 Februari.

Semua penghulu mukim, ketua-ketua kampung, ahli-ahli jawatankuasa dan pemimpin-pemimpin masyarakat, ketua-ketua keluarga dan pemimpin belia diseru untuk terus memelihara maruah negara dengan memeriahkan Sambutan Hari Kebangsaan dengan mengibarkan bendera pada hari-hari berkenaan dan sentiasa saling mengingatkan jiran-jiran untuk sama-sama mengibarkan bendera dengan cermat dan sempurna.

Dengan berkibarnya bendera besar negara di daerah ini menunjukkan penduduk Daerah Belait menghargai kemerdekaan yang telah dikecapi dan juga meningkatkan lagi rasa kecintaan kepada bangsa, agama dan negara.

Slogan yang tertera pada panji-panji



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman menyerahkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam kepada PDB untuk dinaik dan dikibarkan.



PEGHULU mukim menerima Bendera Negara Brunei Darussalam untuk dikibarkan di mukim masing-masing.

Bendera Negara Brunei Darussalam berbunyi 'Sentiasa Membuat Kebajikan Dengan Petunjuk Allah' sebagai lambang kedaulatan raja,

bangsa dan negara serta tekad murni bagi setiap rakyat dan penduduk untuk sentiasa membuat kebajikan bagi kepentingan bangsa, agama dan negara.



UPACARA Menaik dan Mengibarkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB).

DBM kibarkan bendera negara

Oleh : Aimi Sani
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

ANGGOTA Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) menaikkan bendera negara di kawasan letak kereta Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 Februari. - Majlis Menaikkan dan Pengagihan Bendera Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 Tahun 2015 Peringkat Daerah Brunei dan Muara (DBM) diadakan, di kawasan letak kereta Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai DBM, Awang Misle bin Haji Abd. Karim.

Upacara Penyerahan Bendera-Bendera Kebangsaan Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 Tahun 2015 Peringkat DBM dilangsungkan sejurus selepas Majlis Menaikkan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di kawasan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di ibu negara.

Majlis dimulakan dengan penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei bagi

Upacara Menaikkan Bendera diiringi Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh koir pegawai dan kakitangan JDBM bersama pasukan Pancaragam Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Upacara menaikkan bendera tersebut disaksikan oleh tetamu kehormat dan para jemputan yang terdiri daripada Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung.

Sejurus selesai Upacara Menaikkan Bendera, tetamu kehormat telah mengagihkan bendera-bendera Negara Brunei Darussalam kepada 16 penghulu-penghulu mukim DBM dan seterusnya menyampaikan sijil penghargaan.

PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM), Awang Misle bin Haji Abd. Karim menyerahkan bendera kebangsaan kepada Penghulu Mukim Peramu, Pengarah Haji Ismit bin Pengarah Mukim Haji Naim (atas kanan), sementara gambar kiri, Pemangku Pegawai DBM menyerahkan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada anggota PDB untuk dinaikkan.





Kibarkan bendera negara dengan sempurna

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 Februari. - Siapa lagi untuk mengibarkan bendera ini jika bukan kitani sebagai rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Negara Brunei Darussalam yang kita cintai.

Yang Berhormat Haji Gapor @ Haji Daud bin Karim menekankan perkara tersebut pada Upacara Menaikkan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31, 2015 bagi Zon Daerah Brunei dan Muara di kawasan letak kereta Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi, di sini.

Beliau yang ditemui menjelaskan, dalam mengibarkan bendera negara kesempurnaan bendera tersebut haruslah diperhatikan terutama dengan

memastikan kebersihannya dan warnanya yang tidak luntur serta tidak meletakkannya dengan 'sembarangan'.

Majlis menaikkan bendera negara didahului dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Imam Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi, Awang Faisal bin Rosli.

Kemudian majlis disusuli dengan perarakan pembawa bendera negara yang dikepalai oleh Penghulu Mukim Tamoi, Pengarah Haji Mokti bin Haji Md. Salleh yang diiringi oleh belia Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi.

Semasa bendera negara dinaikkan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan beramai-ramai oleh setiap yang hadir pada upacara tersebut dan diikuti dengan menyanyikan lagu 'Bendera Negara'.

Upacara penaikan bendera yang diselenggarakan oleh Mukim Tamoi ini merupakan kesinambungan dari upacara penaikan bendera peringkat



YANG Berhormat Haji Gapor @ Haji Daud bin Karim ... Siapa lagi untuk mengibarkan bendera jika bukan kitani sebagai rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Negara Brunei Darussalam yang kita cintai.

negara.

Dengan adanya upacara seumpama itu secara langsung memberi kesedaran kepada penduduk-penduduk di negara ini supaya akan lebih aktif dalam melakukan penaikan bendera negara terutamanya Sempena Hari Kebangsaan Ke-31 Tahun.

Pengakap turut semai semangat patriotik

Oleh : Hamdanajib Haji Domeng
Foto : Ihsan PPNBD

GADONG, Ahad, 8 Februari. - Memupuk semangat cintakan negara dan patriotik perlu disemai dari generasi muda lagi kerana ia adalah tanggungjawab semua pihak untuk membentuk warganegara yang cemerlang.

Bersempera Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 yang akan diraikan pada 23 Februari bertemakan 'Generasi Berwawasan', Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) turut mengadakan Upacara Menaikkan Bendera Kebangsaan bertempat di perkarangan Bangunan Ibu Pejabat PPNBD di Kompleks Pengakap, Jalan Gadong, di sini.

Ia dijalankan selepas selesai Upacara Menaikkan Bendera Besar Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat



YANG Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas menyerahkan bendera kebangsaan kepada ahli pengakap untuk dikibarkan.

upacara adalah Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas yang menyerahkan

bendera kebangsaan kepada ahli pengakap untuk dikibarkan.

Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan bagi mengiringi upacara penaikan bendera tersebut. Seterusnya bacaan doa kesyukuran dibacakan oleh Pesuruhjaya Ibu Pejabat Bahagian Keagamaan, Awang Haji Othman bin Durani.

Seramai 100 ahli pengakap terdiri daripada Pesuruhjaya-pesuruhjaya Pengakap, Pemimpin-pemimpin Pasukan Pengakap, Penolong-penolong Pemimpin Pasukan Pengakap, Pengakap Tunas, Pengakap Muda, Pengakap Remaja, Pengakap Kelana dan pelajar dari Politeknik Brunei.

Acara ini diadakan setiap tahun sebagai tanda penghormatan serta menyemai semangat cintakan negara dalam kalangan ahli-ahli pengakap dan untuk menerapkan teras pengakap, iaitu cinta, taat serta setia kepada agama, pemerintah dan negara.

Beretika dalam jalankan tugas penyaring

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 Februari. - Jabatan Otorhinolaryngologi, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) telah menganjurkan Bengkel Latihan Program Saringan Pendengaran Anak Damit Untuk Penyaring pada 8 hingga 9 Februari bertempat di Pusat Perempuan dan Kanak-kanak, Hospital RIPAS.

Objektif bengkel tersebut antara lain sebagai satu platform latihan bagi kakitangan yang dilantik untuk menjadi penyaring dalam Program Saringan Pendengaran Anak Damit, memberi latihan tatacara penyaringan, di samping menilai kecekapan peserta dalam menjalankan ujian saringan dan memberi pengetahuan mengenai asas anatomi dan fisiologi pendengaran serta perkembangan pertumbuhan dan bahasa kanak-kanak.

Hari pertama, peserta mengikuti beberapa sesi taklimat dan hari berikutnya, mereka diberikan tunjuk ajar tatacara penggunaan peralatan saringan serta pengendalian ketika ujian.

Sesi taklimat disampaikan oleh penceramah-penceramah dari Hospital RIPAS dan penceramah undangan, iaitu Miss Julie Castro, beliau merupakan Pengurus Kanan Kawasan Northern dan Eastern Cluster dari The Royal Children's Hospital, Melbourne, Australia dan beliau juga merupakan seorang penyelia yang bertanggungjawab untuk memberi pengawasan serta latihan kepada penyaring-penyaring.

Adalah diharap dengan adanya bengkel itu akan dapat memastikan para penyaring dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang komprehensif dan akan menjadi penyaring yang kompeten dan beretika dalam menjalankan tugas sebagai dalam Program Saringan Pendengaran Anak Damit khusus di Hospital RIPAS.

Seramai 17 peserta bengkel terdiri daripada Jururawat, Pembantu Jururawat serta Bidan dari Jabatan Pediatrik dan Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, Hospital RIPAS mengikuti bengkel berkenaan.



PESERTA Program Saringan Pendengaran Anak Damit Untuk Penyaring bergambar ramai bersama Pengurus Kanan Kawasan Northern dan Eastern Cluster dari The Royal Children's Hospital, Melbourne, Australia, Miss Julie Castro (lima dari kiri).



AHLI-AHLI pengakap sedang menaikan bendera kebangsaan Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31.

ITB - KAISAT teroka pengetahuan akademik dan saintifik



PERTUKARAN dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Institut Teknologi Brunei (ITB) dan Korea Advanced Institute of Science and Technology (KAIST) disaksikan oleh Duta Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Cho Won Myung dan Naib Canselor ITB, Profesor Madya Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

TUNGKU LINK, Sabtu, 7 Februari. - Sejak penubuhannya pada tahun 2008, Institut Teknologi Brunei (ITB) terus berusaha untuk mencapai banyak kejayaan dan menjadi salah sebuah universiti dan kejuruteraan teknologi yang menjalankan penyelidikan yang berkualiti tinggi di rantau ini.

Sehubungan itu, ITB melalui Pusat Pengkajian Perkomputeran dan Informatik dan Pusat Penyelidikan Sains Otak dari Korea Advanced Institute of Science and Technology (KAIST) mengadakan penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di Bilik Kuliah, Bangunan

Fasa 3, ITB, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan majlis penandatanganan tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Cho Won Myung.

Menandatangani MoU bagi pihak ITB diwakili oleh Pemangku Dekan Pengajian Pengkomputeran dan Informatik ITB, Dr. Au Thein Wan, sementara bagi pihak KAIST pula ditandatangani oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Sains Otak, Profesor Dr. Soo-Young Lee.

Penandatanganan tersebut juga disaksikan oleh Naib Canselor ITB, Profesor Madya Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Pusat Pengajian Pengkomputeran

dan Informatik dan Sekolah Perdagangan ITB ditubuhkan pada bulan Julai 2014 setelah Fakulti Perdagangan dan Pengkomputeran ITB telah dibubarkan.

Pusat itu kini meliputi tiga bidang dalam Program Pengkomputeran Kreatif, Sistem Maklumat Komputer, Rangkaian Keselamatan Komputer.

Terdahulu, Dr. Au Thein Wan berharap dengan penandatanganan MoU itu akan dapat meneroka dan bertukar pengetahuan akademik dan saintifik untuk dimanfaatkan oleh kedua-dua pihak.

ITB merupakan salah sebuah universiti berprestij di negara ini yang telah lama menyumbang kepada pembangunan sumber manusia dalam bidang kejuruteraan dan teknologi.



PEMANGKU Dekan School of Computing and Informatics ITB, Dr. Au Thein Wan.



PENGARAH Brain Science Research Centre KAIST, Professor Dr. Soo-Young Lee.



GAMBAR ramai setelah Majlis Penandatanganan MoU di antara ITB dan KAIST.

Forum SINAR bentuk personaliti pelajar



PEGAWAI Bahagian Kaunseling, Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) Kementerian Pendidikan, Dayang Norajrina binti Haji Jahri ketika menyampaikan ceramah.

mereka perlu menyerlah bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga menyerlah dalam berbagai-bagai segi seperti aktiviti kokurikulum. "Untuk menyerlah, mereka juga perlu ada persaingan sihat di antara rakan sebaya mereka," ungkap beliau semasa ditemui selepas menyampaikan ceramah berkaitan dengan tema program Forum 'SINAR' iaitu 'Bah, bisai-bisai ulah' yang mensasarkan pelajar-pelajar Tahun 7 Sekolah Menengah Sayyidina Ali (SMSA), di sini.

Dayang Norajrina berharap melalui program tersebut pelajar-pelajar bukan sahaja cemerlang dari segi akademik tetapi juga cemerlang dari segi sahsiah dan personaliti mereka supaya mereka mencapai kebahagiaan di dunia dan juga di akhirat.

Seramai 126 pelajar sekolah berkenaan mengikuti program bertujuan bagi membantu pembentukan personaliti pelajar supaya mereka mempunyai peribadi

mulia, beradab sopan, bijaksana dalam membuat keputusan dan tindakan serta supaya para remaja mengamalkan gaya hidup sihat dan melahirkan remaja yang sihat bukan sahaja dari segi fizikal tetapi sihat dari segi emosi, rohani dan akli, di samping membina sahsiah pelajar yang mantap dan cemerlang.

Program Forum 'SINAR' bagi sekolah-sekolah menengah dan maktab serta sekolah-sekolah swasta seluruh negara tahun 2015. 'SINAR' bermaksud Stabiliti (Kukuh), Integriti (Jati Diri), Nasionalisme (Kenegaraan), Akauntabiliti (Bertanggungjawab) dan ke Rohanian.

Turut menyampaikan ceramah pada program tersebut, Pegawai Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Yusdi bin Pengiran Rumbli dengan tajuk ceramah 'Akhlaq Kepada Ibu Bapa' yang memfokuskan kepada kehidupan seharian.



PELAJAR-PELAJAR Tahun 7 Sekolah Menengah Sayyidina Ali (SMSA) ketika mengikuti program forum 'SINAR'.

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

Pengiran Yusdi menyatakan akhlak kepada ibu bapa juga dapat pelajar-pelajar aplikasikan kepada dunia luar seperti rakan sebaya dan masyarakat dengan lebih menjaga sopan santun yang berteraskan kepada Melayu Islam Beraja.

PEGAWAI Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Yusdi bin Pengiran Rumbli menyampaikan ceramah bertajuk 'Akhlaq Kepada Ibu Bapa'.



Lima pemenang promosi 'Swipe to Fly'

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 6 Februari. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) telah meraikan lima pemenang bulanan pertama promosi 'Swipe to Fly' di Cawangan BIBD Rimba. Semua pemenang kelihatan teruja dengan senyuman apabila tiba di cawangan untuk mengumpul hadiah sepasang tiket penerbangan ke Ho Chi Minh.

Hadir untuk menyempurnakan hadiah adalah Pengurus Cawangan Rimba BIBD, Awang Mohammad Fadzli bin Md Said. Promosi 'Swipe to Fly' akan diteruskan sehingga 31 Mac 2015 dengan lima pasang tiket penerbangan untuk dimenangi setiap bulan ke destinasi seperti Bali, Dubai, dan Melbourne.

BIBD akan memberikan ganjaran kepada awda dan pasangan awda ke percutian impian awda. Semua yang awda perlu lakukan adalah menghabiskan BND30 ke atas pada pembelian tunggal menggunakan mana-mana kad BIBD awda atau perkhidmatan BIBD eTunai di mana-mana kedai runcit atau *online* untuk menerima kemasukan ke cabutan bertuah bulanan 'Swipe to Fly'. Apa lagi, pelanggan BIBD akan diberi ganjaran tambahan 10 bonus penyertaan cabutan bertuah dengan mengumpul perbelanjaan minimum bulanan sebanyak BND1,000 untuk cabutan bertuah bulan tersebut.

Memenangi dengan mudah kerana tiada perlu bersusah payah mengisi borang penyertaan untuk setiap urus niaga pembelian yang layak, menjadikan percutian impian satu langkah lebih mudah dan lebih dekat.

Untuk maklumat lanjut mengenai mana-mana produk BIBD, perkhidmatan atau promosi, sila layari akaun Instagram BIBD di BIBDBRUNEI; Laman Facebook di www.facebook.com/bibdbrunei; menghubungi Pusat Panggilan BIBD di 2238181 atau lawati cawangan BIBD yang berhampiran. Juga, jangan lupa untuk memuat turun Mobile App popular BIBD untuk mendapatkan tawaran dan promosi BIBD terbaru di bawah fungsi 'Apa yang Baru'.

Kesedaran awal cegah Kanser Prostat



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Kanan Kementerian Kesihatan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni semasa membacakan teks ucapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan selaku wakil peribadi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Februari. - Statistik daftar Makmal Pathologi di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dari tahun 2007 ke 2012 melaporkan sebanyak 21 ke 46 kes Kanser Prostat dicatatkan setiap tahun di negara ini.

Kementerian Kesihatan melalui Unit Urologi wajar mengambil langkah bagi memberi kesedaran kepada warga lelaki terutama mereka yang berumur 50 tahun ke atas mengenai simptom-simptom perkencingan disebabkan pembesaran kelenjar prostat ini (terutama sekali yang disebabkan oleh kanser prostat).

Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni menyatakan perkara tersebut semasa membacakan teks ucapan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof, selaku wakil peribadi kepada Yang Berhormat pada Majlis

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Hajah Noor Dina Haji Abd. Rahman
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

Pelancaran Kempen Kesedaran Kesihatan Prostat Kebangsaan Sempena Sambutan Hari Kanser Sedunia 2015.

Awang Haji Mahrub menyatakan perangkaan pendaftaran kanser di negara ini bagi tahun 2002 ke 2013 mendapati sebanyak lima jenis penyakit kanser yang menjadi punca utama dihadapi oleh penduduk negara ini iaitu kanser payudara sebanyak 605 kes, kanser kolon (usus besar) 559 kes, kanser paru-paru 554 kes, kanser pangkal rahim 297 kes dan kanser perut 204 kes.

“Bagi penyakit kanser di kalangan lelaki yang paling banyak dihadapi adalah kanser paru-paru di mana terdapat 341 kes pada tahun 2002 hingga 2013. Pada tempoh itu, bagi keseluruhan penyakit-penyakit kanser di kalangan lelaki, terdapat 314 kes kanser kolorektal, 189 kes kanser prostat, 143 kes kanser hidung leher dan 122 kanser perut,” ujarnya pada majlis yang berlangsung di Dewan Al-‘Afiah, Kementerian Kesihatan.

Menyedari akan bertambahnya kes-kes penyakit kanser khususnya dalam kalangan golongan lelaki di negara ini, Awang Haji Mahrub menegaskan semua *stakeholders* hendaklah *bersama-sama bertanggungjawab dan memainkan peranan masing-masing dalam usaha untuk membendung kes-kes penyakit berkenaan*.

Tambahnya, kita tidak seharusnya bergantung kepada pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan, Pusat Kanser Kebangsaan, Jerudong Park Medical Centre (JPMC) semata-mata, malahan semua lapisan masyarakat semestinya bertanggungjawab dan

memainkan peranan masing-masing bagi mengetahui bagaimana untuk mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tersebut.

Awang Haji Mahrub seterusnya menjelaskan, langkah-langkah pencegahan merupakan pendekatan yang sangat *cost-effective* dalam strategi jangka panjang ke arah mengawal penyakit kanser di mana pengesanan dan rawatan awal kanser boleh mengurangkan sebanyak 33 peratus beban kanser.

“Usaha-usaha bagi pengesanan awal termasuklah pendidikan atau pengetahuan mengenai tanda-tanda kanser dan mendapatkan pemeriksaan doktor secepat mungkin dan juga melalui program-program pemeriksaan kesihatan, seperti contoh pemeriksaan prostat dan kolorektal,” katanya.



PAKAR Bedah Urologi, Dayang Hajah Zuraini binti Haji Ibrahim menyampaikan ceramahnya bertajuk ‘Simptom-Simptom Penyakit Prostat’.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Kanan Kementerian Kesihatan, Awang Haji Mahrub ketika melancarkan Kempen Kesedaran Kesihatan Prostat Kebangsaan Sempena Sambutan Hari Kanser Sedunia 2015 bagi mewakili Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Menyedari akan risiko, bebanan dan penderitaan yang akan dialami terhadap penyakit-penyakit kronik tersebut, Awang Haji Mahrub yakin, kita akan lebih berusaha dan berazam sepenuhnya bagi mengelakkan dan seterusnya akan mengambil langkah-langkah pencegahan dan pengawalan dengan penuh komitmen dan sebaik-baiknya.

Terdahulu sebelum itu, Konsultan Onkologi Hospital RIPAS dan Ketua Unit Pencegahan dan Pengawalan Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit, Kementerian Kesihatan, Profesor Madya Dr. Haji Muhd. Syafiq bin Abdullah dalam alu-aluannya menjelaskan pada tahun ini Negara Brunei Darussalam melalui kementerian berkenaan buat julung kalinya merancang dan membuat satu inisiatif baru dengan memberi tumpuan khas kepada Kempen Kesedaran Kesihatan warga lelaki khususnya kesihatan prostat dan kanser prostat bagi mereka yang berumur 50 tahun ke atas.

Kempen tersebut turut diserikan dengan ceramah yang bertajuk ‘Simptom-Simptom Penyakit Prostat’ yang disampaikan oleh Pakar Bedah Urologi, Dayang Hajah Zuraini binti Haji Ibrahim, diikuti Pakar Bedah Umum, Ketua Unit Urologi, Chua Hock Beng dengan tajuk ‘Kanser Prostat’.

Hari Kanser Sedunia disambut setiap 4 Februari dan tema pada tahun ini ialah ‘Tidak Di Luar Kecapaian Kitani’ (Not Beyond Us) yang mana akan mengambil langkah-langkah positif dan proaktif dalam menentang masalah kanser dengan memberikan penekanan bahawa jalan penyelesaian bagi seluruh kontinum kanser memang wujud dan adalah dalam capaian kita.

Kempen yang julung kali ini diharap akan dapat memberikan kesedaran orang ramai untuk membuat pemeriksaan awal di pusat-pusat kesihatan sekiranya mempunyai masalah perkencingan yang disebabkan Pembesaran Kelenjar Prostat.

Kenal pasti bahan pembungkusan selamat

Oleh :
Hajah Siti Zuraihah
Haji Awang Sulaiman
Foto :
Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

RIMBA, Sabtu, 7 Februari. - Sesi taklimat mengenai penggunaan bahan pembungkusan bagi makanan dan minuman segera, iaitu ‘Take Away’ yang telah diadakan selama dua hari berakhir dengan penyampaian sijil kepada para peserta yang mengahdirinya.

Taklimat yang diadakan di Dewan Simpur, Pusat Urusniaga Hortikultur itu dihadiri oleh seramai 36 syarikat pembekal bahan pembungkus makanan dan minuman tempatan, 300 pengusaha kecil dan sederhana makanan segera atau *take away*, organisasi bukan kerajaan dan 60 pegawai dari jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dan kementerian lain termasuk Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Hadir menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Pengarah Pertanian dan



PENGARAH Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd. Hanifah menyampaikan sijil kepada peserta kursus (kiri dan kanan).

Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd. Hanifah.

Taklimat dua hari yang bermula Khamis lalu itu dikendalikan oleh penceramah-penceramah jemputan terdiri daripada pegawai-pegawai di Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian

Pembangunan dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, KPSSU.

Melalui taklimat yang diadakan itu diharapkan dapat membekalkan para pengusaha kecil dan sederhana bagi makanan dan minuman segera atau *take away* dan pembekal bahan pembungkus makanan dan minuman tempatan dengan maklumat asas dan bimbingan mengenai penggunaan



bahan pembungkusan makanan dan minuman, di samping menimbulkan kesedaran mengenai aspek keselamatan dan bahaya bahan pembungkus kepada pengguna dan kebersihan alam sekitar.

Sepanjang berlangsungnya taklimat, juga diadakan ialah mini pameran bagi membantu para pengusaha kecil dan sederhana bagi makanan dan minuman

segera atau *take away* dan pembekal bahan pembungkus makanan dan minuman tempatan, dalam mengenali secara dekat jenis-jenis bahan pembungkus alternatif yang selamat, sesuai, alami dan diiktiraf *food grade* untuk digunakan bagi menjual makanan segera atau *take away* kepada pengguna dengan selamat tanpa berlakunya pencemaran.

Wanita Muslimah perlu jaga solat dan maruah



ISTERI Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Sarimah binti Haji Abu Bakar hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Nur Faizzah Nawang
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

RIMBA, Sabtu, 7 Februari. - Kaum wanita diseru untuk menutup aurat dengan sempurna agar mereka lebih dikenali sebagai orang yang baik-baik terutamanya oleh kaum lelaki.

Wanita juga disaran supaya sentiasa mendekatkan diri kepada Allah

Subhanahu Wata'ala dengan menjaga solat, maruah diri serta meminta izin kepada suami terlebih dahulu sebelum keluar rumah.

Perkara tersebut disuarakan oleh Pegawai Ugama, Dayangku Hajah Nurhayati binti Pengiran Haji Kasran

pada Majlis Forum Perdana yang diadakan di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada forum berkenaan ialah isteri Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Hajah Sarimah binti Haji Abu Bakar.

Dayangku Hajah Nurhayati seterusnya menjelaskan, selepas kedatangan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, wanita zaman sekarang mesti lebih berhati-hati memandangkan banyak cabaran sebagai seorang muslimah pada zaman yang serba moden ini kerana Allah Subhanahu Wata'ala telah menempatkan syurga di bawah restu suami.

Tambahnya, suami telah dijadikan sebagai kunci untuk wanita masuk ke syurga, begitu juga peranan seorang ibu dan anak perempuan.

Sementara itu, Pegawai Ugama Kanan, Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah, KHEU, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunung pada forum tersebut antaranya mengingatkan kaum hawa supaya sentiasa menjaga batasan mereka dan tidak sekali-kali berlaku *nusyuz* (derhaka), kufur dan *tabarruj* yang boleh membawa mereka ke neraka.

Apabila kaum wanita menjaga hukum-hukum Allah, jelasnya, Allah

juga akan menjaga kita.

Beliau menambah, tujuan kita dihidupkan di dunia ialah untuk mencapai keredaan Allah untuk masuk ke syurga dan para wanita juga diingatkan untuk bermuhasabah diri dan mencerminkan diri sebelum mencerminkan diri orang lain.

Forum yang bertemakan 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Mengangkat Martabat Kaum Hawa' ini dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid, Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan dihadiri oleh seramai lapan wakil bagi setiap masjid yang dibukakan kepada kumpulan

muslimah masjid yang telah berdaftar dan terdiri daripada kumpulan muslimah di masjid-masjid DBM.

Antara objektif forum berkenaan ialah untuk mewujudkan hubungan silaturahim sesama peserta kumpulan Muslimah di antara masjid-masjid seluruh DBM dan bagi menyebarkan lagi syiar Islam dalam kalangan umat Islam terutama kumpulan Muslimah.

Di samping itu, forum tersebut juga merupakan sebagai salah satu langkah atau kaedah bagi penambahan pengetahuan dan juga percambahan ilmu.



AHLI-AHLI Forum terdiri dari Pegawai Ugama, Dayangku Hajah Nurhayati binti Pengiran Haji Kasran dan Pegawai Ugama Kanan, Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunung.

Sokongan ibu bapa dorong kejayaan anak-anak

Berita dan Foto : Hezlinawati
Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Sabtu, 7 Februari. - Seramai 16 murid Tahun 6 Sekolah Rendah Sultan Hashim (SRSH) Batu Apoi bersama ibu bapa / penjaga masing-masing berpeluang meningkatkan motivasi mereka bagi mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran.

Berlangsung di Dewan SRSH Batu Apoi, Mukim Batu Apoi di sini, taklimat motivasi bagi murid-murid Tahun 6 bersama ibu bapa/penjaga disampaikan oleh Pemangku Ketua Bahagian Kaunseling dan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Abdul Ghafor.

Dalam taklimat motivasi itu beliau antara lain menjelaskan bahawa sentuhan antara anak dengan ibu

bapa/penjaga akan mewujudkan perasaan lebih mesra di antara mereka dan oleh itu sentuhan adalah penting dan dapat membantu kecemerlangan dalam pembelajaran anak-anak.

Sementara itu Guru Bimbingan SRSH Batu Apoi, Awang Muhammad Hadi Sufiyan bin Haji Ali Aziz ketika ditemu bual menjelaskan bahawa taklimat merupakan salah satu acara yang terkandung di dalam program yang diperkenalkan di sekolah berkenaan iaitu Program Menuju Puncak, yang dihususkan untuk murid-murid Tahun 6 yang akan menduduki peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR).

Beliau menjelaskan antara tujuan taklimat motivasi sedemikian diadakan iaitu untuk membentuk sikap murid-murid agar berusaha gigih bagi masa depan mereka, di samping memberikan kesedaran tentang pentingnya bertindak sekarang demi

masa depan yang cemerlang.

Selain itu, taklimat juga katanya adalah untuk merangsang kemahuan yang tinggi dan berkobar-kobar di kalangan murid-murid untuk berjaya dalam pelajaran dan seterusnya membuat mereka memikirkan semula betapa besarnya pengorbanan ibu bapa.

Awang Muhammad Hadi Sufiyan seterusnya berharap taklimat seperti itu akan dapat membuka minda murid-murid serta para ibu bapa betapa pentingnya memberi perhatian kepada anak-anak mereka tanpa mengira pencapaian anak-anak masing-masing, sama ada anak-anak mereka pelajar cemerlang atau pun tidak.

“Yang penting daripada ceramah itu telah menekankan bagaimana ibu bapa boleh menyokong anaknya supaya terus berjaya,” ujarnya.

Dengan dikendalikan oleh Perkhidmatan Bimbingan dan



PEMANGKU Ketua Bahagian Kaunseling dan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Abdul Ghafor ketika menyampaikan taklimat motivasi bagi murid-murid Tahun 6 bersama ibu bapa / penjaga di Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi.

Kaunseling SRSH Batu Apoi, taklimat lebih menjurus kepada hubungan antara murid-murid dan ibu bapa mereka di mana kadangkala orang

terlepas pandang bahawa hubungan yang baik ini memberikan impak kepada pembelajaran anak-anak di sekolah.

Anjakan minda bersinergi jana pemikiran konkrit



BENGKEL dikendalikan oleh konsultan dari luar negara, Dr. Perla Rizalilia Tayko, iaitu pakar dalam bidang perkembangan organisasi.

JERUDONG, Sabtu, 7 Februari. - Pendedahan kemahiran berfikir melalui ‘The Brainmap Assessment Tool’ telah dijadikan sebagai instrumen untuk anjakan minda lebih fokus dan bersinergi bagi menjana pemikiran konkrit ke arah peningkatan prestasi organisasi.

Schubungan itu, Institut Perkhidmatan Awam (IPA) melalui

Pusat Pembangunan Pembelajaran telah mengunyahkahkan satu bengkel ‘Mewujudkan Pemikiran Sinergi Untuk Organisasi Berprestasi Tinggi’ bertempat di sebuah hotel, di sini.

Seramai 60 peserta daripada pegawai-pegawai kerajaan dari Bahagian I mengikuti bengkel tersebut yang terdiri daripada pengarah-pengarah, timbalan-

Oleh : Norlia Md. Zain, Syirain
Afifi Md. Fadzil
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji
Mohd. Ali

timbalan pengarah, penolong-penolong pengarah, pegawai-pegawai kanan termasuk lima orang pegawai dari sektor swasta.

Bengkel sehari ini antara lain bertujuan untuk mewujudkan pemikiran sinergi bagi mencapai prestasi tertinggi dan membolehkan para peserta mempelajari peralihan pemikiran daripada minda tetap kepada minda pertumbuhan.

Sepanjang bengkel tersebut, ceramah akan disampaikan oleh seorang konsultan dari luar negeri, Dr. Perla Rizalilia Tayko iaitu pakar dalam bidang perkembangan organisasi.

Pembentangan bengkel terbahagi kepada tiga bahagian iaitu kesedaran mengenai proses pemikiran seseorang; proses keseluruhan pemikiran otak seseorang dan pelaksanaan fikiran otak dalam



BENGKEL dihadiri oleh pegawai-pegawai kerajaan dari Bahagian I terdiri daripada pengarah-pengarah, timbalan-timbalan pengarah, penolong-penolong pengarah, pegawai-pegawai kanan termasuk lima orang pegawai dari sektor swasta.

mengubah dan melahirkan sesuatu.

Pada bengkel itu, para peserta telah diperkenalkan kepada alat penilaian BrainMap di mana mereka belajar kemahiran berfikir dan tatacara untuk menggunakan kemahiran dalam membuat keputusan penting dalam usaha meningkatkan sinergi dalam

prestasi peribadi dan kerjaya.

Pihak penganjur berharap, para peserta akan mengetahui kekuatan dan kelebihan masing-masing melalui analisis minda yang dilakukan oleh konsultan yang kemudiannya dapat diaplikasikan kepada organisasi masing-masing.

Politeknik Brunei meterai MoU bersama Microsoft Brunei



PEMANGKU Pengarah Politeknik Brunei, Denis Ho Mun Tai semasa berucap pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Microsoft (Brunei) Sendirian Berhad.



PENGURUS Negara bagi Microsoft (Brunei) Sendirian Berhad, Dayang Haniza binti Haji Zakariya semasa berucap pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Februari. - Politeknik Brunei menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Microsoft (Brunei) Sendirian Berhad.

Penandatanganan kali pertama seumpamanya adalah untuk menggalakkan pencapaian pensijilan yang berkaitan ICT selaras dengan keperluan kurikulum dan menyokong visi Politeknik Brunei dalam mengeluarkan graduan yang inovatif, mahir dan boleh dipasarkan, selain untuk membangunkan program-program pembinaan kapasiti kakitangan dalam bidang ICT dan Teknologi Pendidikan sebagai sebahagian daripada inisiatif strategik Politeknik Brunei ke arah memastikan pendidikan yang berkualiti berterusan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Nur Faizzah Nawang
Foto : Azmah Haji Ahad

Hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan penandatanganan yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Menandatangani bagi pihak Politeknik Brunei ialah Pemangku Pengarah Politeknik Brunei, Denis Ho Mun Tai, manakala Microsoft (Brunei) Sendirian Berhad diwakili oleh Pengurus Negara, Dayang Haniza binti Haji Zakariya.

Terdahulu, Pemangku Pengarah Politeknik ketika berucap dalam majlis ini berkata, teknologi hari ini, bukan sahaja menjadi semakin penting dalam banyak aspek kehidupan tetapi juga menimbulkan banyak cabaran yang menarik lagi unik dalam pendidikan.

Menurutnya, perjanjian 'Rakan Dalam Pembelajaran' Politeknik Brunei dengan Microsoft Brunei yang ditandatangani ini, menyediakan program bersama yang komprehensif bukan sahaja untuk menangani ICT baru dan jangkaan berkaitan pendidikan tetapi juga menjadi platform penting untuk kecemerlangan pendidikan yang berkaitan dengan 'Transformasi Pembelajaran', 'Melanjutkan Inovasi' dan 'Membangunkan Kemahiran Abad Ke-21 dan Meningkatkan Pekerjaan'.

"Inisiatif ini adalah selaras dengan Wawasan Politeknik Brunei untuk menjadi sebuah politeknik bereputasi dan melahirkan graduan yang inovatif, mahir dan boleh dipasarkan," jelasnya.

Perjanjian itu juga katanya, antara lain dihasratkan untuk memaksimumkan dan menggunakan sumber dan peluang yang boleh diakses melalui program ini dari segi pembinaan keupayaan kakitangan, latihan pelajar, inovasi pelajar dan persaingan.

Kolaborasi ini, tambahnya, akan membolehkan Politeknik Brunei mengintegrasikan program pensijilan profesional ICT ke dalam kurikulum sebagai bukti kelayakan nilai tambah kepada pelajar.

Dengan berbuat demikian, jelasnya, ia menyatakan dengan jelas kompetensi teknologi pelajar dan yang lebih penting untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan kita pada masa depan.

Melaluinya para pelajar, ujarnya, akan berpeluang menunjukkan idea baru dan inovatif serta membangunkan penyelesaian teknikal yang menarik menggunakan alat-alat ICT yang boleh diakses melalui program ini.

"Berkaitan dengan teknologi pendidikan dan sejajar dengan usaha berterusan kami untuk melengkapkan kakitangan akademik dengan amalan

terbaik dalam pedagogi yang dicampur, inisiatif 'Rakan dalam Pembelajaran' ini akan meningkatkan lagi integrasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bagi Politeknik Brunei," terangnya.

MoU pada kedua-dua pihak itu bertujuan untuk memajukan dan

membangunkan kerjasama dalam aktiviti pendidikan.

'Rakan dalam Pembelajaran', jelasnya adalah satu inisiatif global yang direka untuk membantu setiap individu mendapat pendidikan yang sewajarnya dengan memberi tumpuan kepada pendidik dan pemimpin pendidikan dan seterusnya meningkatkan akses kepada teknologi secara aktif serta meningkatkan penggunaannya dalam pembelajaran melalui komponen.

Di antara komponen tersebut adalah untuk memberikan latihan bagi pendidik dan pemimpin pendidikan, penyelidikan inovasi terbaik dan membina masyarakat yang profesional untuk memastikan bahawa setiap pelajar mendapat faedah daripada rangkaian global.

Turut hadir di majlis itu ialah Pemangku Penolong Pengarah Politeknik Brunei, ketua-ketua jabatan, pengetua-pengetua sekolah dan pensyarah-pensyarah.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos menyaksikan penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara Pemangku Pengarah Politeknik Brunei, Denis Ho Mun Tai dan Pengurus Negara bagi Microsoft (Brunei) Sendirian Berhad, Dayang Haniza binti Haji Zakariya.

JPK bantu mangsa banjir di Malaysia



PENGARAH Pendidikan Kokurikulum, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji Bakar menyerahkan sumbangan kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali.

Berita dan Foto : Ihsan PPBND

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Februari. - Atas rasa keprihatinan yang mendalam

terhadap mangsa-mangsa musibah banjir yang telah mengalami kerosakan dan kehilangan harta benda yang melanda di beberapa buah negeri di Malaysia baru-baru ini, Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPK), Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam telah mengambil langkah segera dengan mengadakan kutipan derma daripada kalangan warga kerja jabatan berkenaan untuk membantu meringankan kesengsaraan yang dihadapi oleh mangsa kejadian tersebut.

Sehubungan dengan itu, satu majlis penyerahan sumbangan derma telah diadakan di Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Jalan Gadong.

Sumbangan derma tersebut disampaikan oleh Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji Bakar kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap,

Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali.

Turut hadir ialah Ketua Unit Beruniform JPK, Awang Jalil bin Pengarah Haji Kapitan serta pegawai-pegawai JPK yang turut disaksikan oleh Setiausaha Agung PPNBD, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Pengakap dan Pegawai Pengakap Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam.

Penyerahan sumbangan ini dibuat melalui PPNBD, memandangkan persekutuan tersebut merupakan salah sebuah pergerakan sukarelawan yang mempunyai hubungan terus dengan Persekutuan Pengakap Malaysia.

Semua sumbangan derma yang terkumpul akan disampaikan terus kepada Persekutuan Pengakap Malaysia yang bernaung dengan Jabatan Perdana Menteri Malaysia untuk tabung kemanusiaan mangsa banjir bagi diagihkan kepada negeri-negeri yang terlibat.

PSW tingkatkan penglibatan dalam pembangunan negara

Oleh : Mohammad Arif Matali

MADANG, Khamis, 5 Februari. - Persatuan Siswazah Wanita (PSW) Negara Brunei Darussalam yang ditubuhkan pada 5 Februari 1990, bertujuan untuk menyatukan para siswazah wanita di negara ini dan memelihara pertalian profesional dalam kalangan mereka serta mewujudkan forum bagi perbincangan perkara-perkara yang berkaitan dengan kemasyarakatan, akademik dan profesional.

PSW telah berjaya bergerak menyusun dan mengendalikan

kegiatan-kegiatan bagi meningkatkan penglibatan para siswazah wanita khususnya dan kaum wanita amnya dalam pembangunan negara.

Persatuan berkenaan telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah Sempena 25 Tahun penubuhannya bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Madang / Manggis.

Hadir pada majlis berkenaan ialah

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat dan seterusnya bacaan Surah Yaa Siin dan tahlil yang dipimpin oleh Imam masjid berkenaan, Awang Razman bin Haji Ramli dan diteruskan dengan bacaan doa kesyukuran dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Juga hadir ialah Yang Di-Pertua PSW, Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaludin serta ahli-ahli persatuan berkenaan.

Hulur derma melalui Walkaton Amal Bertaja

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ah Chua



SENAMROBIK sebelum mula berjalan kaki sejauh empat kilometer semasa Walkaton Amal Bertaja Bagi Kutipan Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong.

TEMBURONG, Jumaat, 6 Februari. - Sejumlah BND\$5,401.75 disumbangkan kepada Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong hasil daripada kad kutipan bagi tabung berkenaan.

Sumbangan diserahkan kepada Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah, selaku Penasihat Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong oleh Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Ajmin bin Haji Meludin, berlangsung di Ruang Legar, Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar, di sini.

Terdahulu, diadakan Walkaton Amal Bertaja Bagi Kutipan Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong, yang mana para peserta berjalan kaki sejauh empat kilometer mengelilingi Pekan Bangar dan menuju ke Kampung Sungai Suluk sebelum kembali semula ke Pekan Bangar.

Walkaton disertai oleh Awang Haji Abdul Hamid serta Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Juga menyertai walkaton amal tersebut ialah ketua-ketua cawangan, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, ahli-ahli jawatankuasa tabung, Ahli-ahli Majlis



PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah, selaku Penasihat Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad semasa menyertai Walkaton Amal Bertaja Bagi Kutipan Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong.

Perundingan Mukim dan Kampung serta penduduk Daerah Temburong.

Sebelum walkaton bermula, acara senamrobik bagi memanaskan badan diadakan, diketuai oleh Ketua Kampung Selangan, Parit dan Biang Menengah, Awang Dulamit bin Burut.

Walkaton Amal Bertaja sedemikian merupakan salah satu wadah untuk menyalurkan bantuan kepada anak-anak yatim di daerah ini, di samping mengajak para penduduk dan orang ramai agar mengamalkan gaya hidup yang sihat.

Kekerapan penggantian pemain punca tumpasnya MBS United FC

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Hamzah Mohiddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 6 Februari. - Kesilapan melakukan penggantian pemain yang



PENJAGA Gol Pasukan MBS United FC, Haji Md Sofian cuba menyelamatkan gawangnya selepas dicabar oleh pemain Pasukan IKLS, Azmain.

IKLS dengan jaringan 4-2 dalam Kumpulan 'G' pada Kejohanan Bola Sepak Veteran Kebangsaan DST 2015 yang berlangsung di Kompleks Sukan Jabatan Kerja Raya, Berakas.

Pasukan IKLS berjaya membuat jaringan pada minit pertama menerusi Md Sapri dan menjadikannya gol tersebut yang terpanas setakat ini.

Kedudukan menjadi imbang apabila Pasukan MBS United FC berjaya menjaringkan gol penyamaan pada minit ke-25 menerusi Pengiran Abd. Malik selepas sepakan percumanya gagal diselamatkan oleh penjaga gol pasukan IKLS, Haji Johari.

Sekalipun kedudukan terikat selepas itu namun kedua-dua pasukan berjaya mencorakkan permainan yang baik walaupun gagal menambah jaringan sehingga tamat perlawanan separuh masa pertama dan diikuti pada awal babak kedua.

Menyaksikan kedudukan yang terikat, pengurusan Pasukan MBS United FC mula melakukan penukaran pemain namun hasilnya kurang menyerlah apabila dalam masa 11 minit Pasukan IKLS berjaya menambah tiga gol.

Pasukan IKLS menjaringkan gol

kedua pada minit ke-71 menerusi Mohd. Yaman dan diikuti tiga minit selepas itu oleh Mohd. Sapri dan pada minit ke-82 Azmain menjaringkan gol keempat.

Pasukan MBS United FC menjaringkan gol keduanya empat minit sebelum perlawanan berakhir

menerusi Pengiran Kamarulzaman.

Dalam perlawanan Kumpulan 'F', Pasukan Astavilla Veteran terikat 3-3 selepas menentang Pasukan AKSE Bersatu, manakala Pasukan Sang Jati Dusun (PSJD) berjaya menumpaskan Stoneville dengan kesudahan 4-2.



MOHD. Sapri semasa cuba melakukan jaringan ketiga bagi Pasukan IKLS Veteran sambil cuba dikejar oleh pemain pertahanan Pasukan MBS United FC.

MS PDB berpesta jaringan ke atas Menengah FC

Oleh : Samle Haji Jait
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

GADONG, Ahad, 8 Januari. - Persaingan Kejohanan Bolasepak Veteran Kebangsaan DST 2015 peringkat kumpulan terus rancak dengan setiap pasukan berusaha untuk menterjemahkan kemenangan setiap perlawanan bagi memburu slot untuk mara kepusingan kedua.

Pasukan MS Polis Diraja Brunei (MS PDB) tidak menghadapi masalah menjinakkan pasukan Menengah FC apabila mudah membelasah lawannya 10-0 di Stadium Polis Gadong, petang tadi.

Pasukan Menengah FC hanya berjaya mempertahankan kubu pertahanan sehingga 15 minit apabila

Mohd. Azri Abdullah berjaya merobek gawang untuk membuka tirai jaringan MS PDB dan menambah jaringan dua minit selepas itu.

Haji Edy Asmadi Abdul Malik kemudian menambah jaringan pada minit ke-23 sebelum Rosmini Haji Kahar turut membuat pasukan lawan hampa pada minit ke-26.

Ketika perlawanan menuju minit akhir babak pertama, pasukan MS PDB terus gah dengan kejayaan menyumbat dua lagi jaringan masing-masing diperolehi menerusi Shahrani Ibrahim pada minit ke-42 dan Punca Gunung pada minit ke-45.

Bersambung di babak kedua,

pasukan MS PDB bagi belum berpuas hati dengan kelebihan jaringan malah terus gagah membuat asakan bertalu sekalipun pasukan Menengah FC berusaha keras mengimbangi perlawanan.

Ternyata jaringan Haji Edy Asmadi Abdul Malik pada minit ke-50 terus memberi tekanan pasukan lawan dan kesilapan pemain pasukan Menengah FC di dalam kotak penalti

mengundang padah apabila pengadil menghadihkan sepakan penalti kepada pasukan MS PDB yang mudah disempurnakan oleh Mohd Asmadi Abdullah pada minit ke-51.

Pasukan MS PDB terus memastikan kememangan buat kali kedua dalam kumpulan 'B' apabila Abdul Malik Abdullah dan Noradli Sahat melengkap pesta kemenangan besar pasukan MS PDB.



ANTARA aksi menarik ketika pertemuan antara pasukan MS PDB jersi hitam dan Menengah FC jersi biru pada Liga Bola Sepak Veteran Kebangsaan DST Ke-6, 2015.

Hargai persahabatan mesra bersama Republik Islam Iran

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Hassan Rouhani serta kerajaan dan rakyat Republik Islam Iran sempena Hari Kebangsaan Iran.

Di dalam perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Presiden Republik Islam Iran, TYT Hassan Rouhani, baginda sangat menghargai persahabatan mesra dan kerjasama di antara kedua-dua buah negara dan seterusnya berharap untuk meneruskan kerja bersama TYT pada tahun yang akan datang.

Pada mengakhiri perutusan tersebut, Kebawah DYMM berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Presiden Republik Islam Iran, TYT Hassan Rouhani berada dalam keadaan sihat sejahtera dan bahagia dan rakyat Iran menikmati kemajuan dan kemakmuran yang berterusan.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Islam Iran, TYT Mohammad Javad Zarif, kerajaan dan rakyat Republik Islam Iran sempena Hari Kebangsaan republik tersebut.

Dalam perutusan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia melahirkan perasaan gembira menyaksikan TYT di Mesyuarat Pergerakan Negara-Negara Berkecuali di Algeria pada tahun lepas dan DYTMM sangat menghargai hubungan persahabatan yang dinikmati oleh kedua-dua buah negara.

Seterusnya DYTMM berharap dapat meneruskan kerjasama dengan mengukuhkan persahabatan dan kerjasama rakyat kedua-dua buah negara pada tahun mendatang.

DYTMM berharap agar TYT menikmati kemajuan dan kemakmuran bersama rakyat Republik Islam Iran.



KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Hassan Rouhani serta kerajaan dan rakyat Republik Islam Iran sempena Hari Kebangsaan Iran.

Martabatkan bahasa Melayu

Dari muka 1

Terdahulu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan, bahasa melalui khidmat pesanan ringkas (bahasa SMS) yang tidak mengikut peraturan atau pola sistem bahasa Melayu sama ada dari segi ejaan, pemilihan kosa kata, istilah dan sebagainya boleh disimpulkan sebagai bahasa rancam.

Yang Berhormat menekankan, jika perkara ini tidak diambil perhatian, maka anak-anak akan menjadi terbiasa dan terbudaya menggunakan ejaan dan bahasa rancam dengan menggunakan ejaan dan bahasa tersebut dalam menulis karangan.

Perkara itu boleh menjadi punca kepada kegagalan mereka menguasai penggunaan bahasa Melayu dan untuk lulus dengan cemerlang pada mata pelajaran bahasa Melayu di dalam peperiksaan sama ada di peringkat rendah atau menengah.

Justeru itu, Yang Berhormat Menteri menyarankan, DBP serta tenaga pengajar perlu saling bekerjasama untuk mengatur dan melaksanakan strategi yang lebih berkesan di dalam mengembangkan dan mengangkat penggunaan bahasa Melayu melalui pendekatan dan kaedah yang terbaru supaya dapat menarik minat penuntut dan orang ramai kepada penggunaan bahasa Melayu dalam penulisan dan pertuturan seharian.

Dalam konteks penggunaan dan aplikasi media sosial tentang bagaimana media berkenaan yang pada awalnya dilihat dapat merosakkan kemurnian bahasa Melayu namun di sebaliknya juga dapat digunakan untuk memperluaskan penggunaan bahasa Melayu dan mengangkat martabat bahasa Melayu.

"Dalam waktu yang sama kaedah dan pendekatan seperti mentor bahasa, duta bahasa dan rakan bahasa juga perlu digunakan daripada kalangan masyarakat berbagai peringkat termasuk golongan penjawat awam, profesional, penuntut-penuntut, badan-badan bukan kerajaan dan swasta," ujar Yang Berhormat.

Pertandingan Pidato yang

dianjurkan oleh DBP ini adalah sebagai salah satu cara untuk meningkatkan kefungsi dinamik bahasa Melayu, di samping pidato yang baik melalui penggunaan bahasa yang baik dapat membuka mata, hati dan telinga untuk mendengar dan menghayatinya.

Selain itu, pidato yang baik juga akan dapat memberikan kesan yang positif dan impak kepada kefahaman umum tentang erti kemerdekaan dan kedaulatan bangsa dan negara dan juga hal-hal yang berkaitan dengan aspirasi dan wawasan bangsa dan negara.

Yang Berhormat juga menyarankan bagi melahirkan pemidato yang baik dalam kalangan penuntut, mereka perlu didedah, diajar dan dilatih secara menyeluruh yang merangkumi aspek kemahiran membaca, menulis, mendengar, bertutur dan berkomunikasi dengan khalayak ramai.

Semua pendekatan ini terangnya, merupakan pembentukan awal kepada sendiri pelajar kerana asas dalam berpidato memerlukan seseorang pelajar itu mempunyai kemahiran berfikir, mendengar, bertutur dan membaca.

"Secara tidak langsung cara ini juga mendukung usaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa sumber ilmu, bahasa sumber permodenan, bahasa sumber maklumat, bahasa sumber pengetahuan dan bahasa sumber sains dan teknologi," jelasnya lagi.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga turut menekankan bahawa peranan memperkasa, memartabat dan mengembangkan bahasa Melayu itu bukan sahaja digalas oleh DBP dan Kementerian Pendidikan sahaja, malahan meliputi seluruh masyarakat yang ada di Negara Brunei Darussalam.

Menurutnya, kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara tidak dapat dipertikaikan, justeru itu semua pihak perlu mempelajari dan menguasai penggunaan sistem bahasa Melayu yang betul demi menjaga mutu dan kualiti bahasa Melayu.

Oleh demikian, ketinggian darjat dan kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara yang diguna pakai



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa berucap. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

dalam segala urusan harian hendaklah dipertahankan, selain perlu melaksanakan langkah-langkah pemantapan bahasa yang konkrit dan pragmatik agar nirmala bahasa Melayu itu akan dapat terus bertahan dan tidak ketinggalan dek zaman.

Kongsi lambang ketaatsetiaan kepada generasi muda

Dari muka 1



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman semasa berucap sebelum merasmikan Program Semarak Pengibaran Bendera Negara bagi Daerah Brunei dan Muara. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor.

Yang Mulia Datin Paduka mengucapkan penghargaan kepada Jabatan Penganjur atas usaha membarigakan maklumat dan memberikan penerangan mengenai sambutan Hari Kebangsaan dan seterusnya menjadikan masyarakat di negara ini lebih peka dan menghargai serta menghayati erti sebenar Hari Kemerdekaan dan kepentingan bendera bagi sesebuah negara.

"Saya yakin kempen seumpama ini sama ada secara langsung maupun secara tidak langsung akan merangsang dan membangkitkan semangat masyarakat setempat, rakyat dan penduduk untuk ikut serta dalam menzahirkan rasa cinta kepada negara dan bangsa," ujar Yang Mulia Datin Paduka.

Seterusnya Yang Mulia Datin Paduka menyeru orang ramai untuk sama-sama mengibarkan bendera negara sebagai tanda bangga yang menjadi lambang kedaulatan dan maruah bangsa dan negara tercinta.

Lantikan Yang Di-Pertua MMN



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Februari. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan

melantik Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Seri Setia Haji Mohamed Taib sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi menggantikan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim.

Tarikh pelantikan tersebut berkuat kuasa mulai hari Rabu, 21 Rabiulakhir 1436 bersamaan 11 Februari 2015.

JAGA ADAB DAN TATATERTIB PENGIBARAN BENDERA NEGARA

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.